

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Bahasa merupakan alat komunikasi yang terunggul di dunia ini dan bahasa memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia. Bahasa menjadi asas bagi perkembangan pemikiran manusia. Perkembangan akal dan pemikiran yang kreatif telah menjadikan manusia sebagai kehidupan yang terunggul di dunia ini. Bahasa membantu mencorakkan kehidupan serta kemajuan manusia. Bahasa diklasifikasikan sebagai:

*Bahasa adalah sistem lambang bunyi suara yang dipakai sebagai alat perhubungan dalam lingkungan satu kelompok manusia (antara seorang individu dengan individu yang lain)*

(Dewan Bahasa dan Pustaka,2002)

Bahasa Tamil digolongkan sebagai salah satu bahasa yang tertua di dunia. Bahasa Tamil setanding dengan bahasa Sanskrit, Greek dan juga bahasa Latin. Keistimewaan bahasa Tamil dirujuk melalui teks tatabahasa Tamil yang tertua, iaitu, *Tholkaapiyam* (6 Sebelum Masihi). Teks ini dihasilkan oleh cendekiawan Tamil yang terkenal iaitu *Tholkaapiyar*.

*Tholkaapiyam* merupakan teks yang merangkumi unsur-unsur tatabahasa bahasa Tamil dan juga tatacara kehidupan masyarakat Tamil. Buku turut membincangkan amalan penggunaan bahasa dalam kalangan masyarakat Tamil zaman klasik. Penggunaan bahasa yang betul dalam kehidupan seharian dibincangkan secara mendalam. Teks *Tholkaapiyam*


mengandung 1602 buah puisi yang digelar sebagai *noorpaa. Tholkaapiyam* dibahagikan kepada tiga bahagian utama, iaitu *yelutatikaaram*, *sollatikaaram* dan *porulatikaaram*. *Yelutatikaaram* dan *sollatikaaram* membincangkan unsur-unsur tatabahasa manakala *porulatikaaram* pula membincangkan budaya dan corak kehidupan masyarakat Tamil klasik.

Bahasa Tamil digolongkan dalam rumpun bahasa *dravidian* dan merupakan salah satu bahasa klasik (*Shemmoli*). Pada masa kini bahasa Tamil merupakan bahasa kebangsaan bagi *Tamil Nadu* (India Selatan). Di samping itu, bahasa Tamil juga dituturkan secara meluas di Sri Lanka (Jaffna dan Triconmalee), Singapura, Malaysia, Mauritius, Reunion, Afrika Selatan, Bahrain, United of Arabs Emirates, Qatar, Netherland, Fiji, Jerman, Thailand, United Kingdom, Myanmar dan Sumatera (Indonesia). Di negara Malaysia bahasa Tamil diajar secara rasmi dalam sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Terdapat 523 buah Sekolah Rendah Tamil yang mengajar bahasa Tamil. Di samping itu bahasa Tamil juga diajar dalam sekolah-sekolah menengah sebagai satu matapelajaran pilihan. Beberapa universiti dan Institut Pendidikan Guru di Malaysia seperti Universiti Malaya, Institut Pendidikan Guru Raja Melewar di Seremban dan Institut Pendidikan Guru Tuanku Bainun di Pulau Pinang mempunyai Jabatan Bahasa Tamil.

Hasil kesusasteraan merupakan karya-karya yang dihasilkan dengan unsur bahasa. Karya-karya kesusasteraan dipadukan dengan bahasa dan daya kreativiti yang indah bagi mencerminkan corak kehidupan sesuatu masyarakat. Pemikiran dan perlakuan sesuatu masyarakat dipaparkan melalui karya-karya kesusasteraan. Karya-karya kesusasteraan mencerminkan hampir segala aspek kehidupan serta perlakuan sesuatu masyarakat. Secara umumnya, karya-karya kesusasteraan Tamil klasik merupakan karya-karya yang dihasilkan pada zaman *cangam* (300 SM– 600 SM). Karya-karya ini mencerminkan corak kehidupan

serta perlakuan masyarakat Tamil zaman *cangam*. Amalan kebudayaan yang dianuti oleh masyarakat Tamil zaman *cangam* turut dipaparkan dalam karya-karya ini.

**Rajah 1.1: Tulisan Tamil Zaman Klasik**



(Sumber: *Viyakka Vaikkum Tamilar Ariviyal*,2005)

Di samping itu, karya-karya kesusasteraan memainkan peranan sebagai catatan sejarah kehidupan manusia. Ia juga mencerminkan amalan kebudayaan dan perlakuan seharian sesuatu masyarakat. Karya-karya kesusasteraan menjadi bukti kewujudan amalan dan perlakuan sesuatu masyarakat. Bahasa dan karya-karya kesusasteraan merupakan fakta sejarah yang kukuh.

Karya-karya kesusasteraan mewujudkan halatuju dan panduan bagi kehidupan manusia di dunia ini. Elemen ini membantu mencorakkan gaya hidup masyarakat manusia. Memandangkan hal ini, dapat dirumuskan bahawa karya-karya kesusasteraan bukan sekadar bahan bacaan ringan yang memenuhi masa lapang seseorang. Malahan, karya-karya kesusasteraan memberikan panduan dan pengajaran kepada para pembaca. Manusia mempelajari amalan harian dan amalan kebudayaan nenek moyang melalui karya-karya kesusasteraan. Karya-karya kesusasteraan Tamil merupakan hasil kesusasteraan yang kaya

dengan nilai-nilai etika dan estetika masyarakat Tamil. Nilai-nilai sosio-budaya yang adil diperjuangkan oleh para sasterawan Tamil melalui hasil karya.

Karya-karya kesusasteraan Tamil menjadi warisan turun-temurun masyarakat Tamil. Para sasterawan yang dikenali sebagai pujangga (*pulavar*) memartabatkan bahasa dan kesusasteraan Tamil dengan menubuhkan suatu akademi cendekiawan Tamil yang digelar '*Cangam*'. Pertubuhan ini bertanggungjawab untuk memartabatkan bahasa dan kesusasteraan Tamil klasik. Para pujangga (*pulavar*) dan golongan intelektual (*saandror*, *aandror*) bergiat dalam pertubuhan ini dengan menyumbangkan hasil karyanya. 'Zaman *Cangam*' merupakan lambang keagungan bahasa dan kesusasteraan Tamil.

Menurut catatan dalam *Tamil Ilakkiya Varalaaru*, zaman *cangam* wujud pada abad ke-3 SM. Karya-karya ciptaan zaman *cangam* dikenali sebagai 'Karya-karya Kesusasteraan *Cangam*' (*canga ilakkiya noolgal*). 'Karya-karya Kesusasteraan *Cangam*' merupakan bukti yang kukuh tentang perkembangan dan pengukuhan bahasa serta kesusasteraan Tamil. Era ini dikenali sebagai *Cangakaalam*. Kenyataan ini membawa pengertian bahawa bahasa dan kesusasteraan Tamil dipelihara dan dikembangkan oleh akademi intelektual, iaitu, 'Tamil *Cangam*'.

Para pujangga Tamil menghasilkan karya-karya kesusasteraan berdasarkan kepada amalan kebudayaan dan corak kehidupan masyarakat Tamil yang diwarisi sejak turun-temurun. Kebanyakan sajak berkisar tentang corak kehidupan, aktiviti harian dan perlakuan perasaan yang telah sebatikan dalam diri masyarakat Tamil. Masyarakat Tamil memiliki amalan harian dan unsur-unsur kebudayaan yang tersendiri. Karya-karya kesusasteraan Tamil memberikan semangat dan rangsangan untuk membentuk kehidupan berlandaskan kepada ciri-ciri kemanusiaan. Oleh yang demikian, karya-karya kesusasteraan Tamil dihasilkan untuk membantu pembentukan akhlak mulia seseorang. Karya-karya kesusasteraan Tamil berkebolehan membentuk norma-norma kemanusiaan dalam diri seseorang.

Pelbagai maklumat yang dimuatkan dalam karya-karya kesusasteraan membekalkan nasihat dan penunjuk jalan kepada masyarakat zaman kini. Oleh yang demikian karya-karya kesusasteraan Tamil menjadi bekalan hidup masyarakat Tamil zaman kini.

## **1.2 Kesusasteraan Tamil Zaman *Cangam***

Kesusasteraan merupakan hasil karya yang disampaikan dengan menggunakan elemen bahasa dan daya kreativiti. Perkataan sastera berasal daripada bahasa *Sanskrit* iaitu ‘*Saastram*’ yang bermaksud ilmu. Maka, dapat dirumuskan bahawa karya-karya kesusasteraan bermaksud hasil karya bahasa yang membekalkan ilmu kepada pembaca. Dalam erti kata yang lebih luas, kesusasteraan dirujuk sebagai bahan sejarah yang mencerminkan amalan kebudayaan dan aktiviti harian sesuatu masyarakat.

Pada asasnya kesusasteraan wujud dalam bentuk bahasa sama ada tulisan ataupun lisan. Dalam konteks kehidupan harian manusia, kedua-dua bentuk kesusasteraan memainkan peranan penting. Contohnya, manusia mendengar muzik yang mengandungi lirik lagu yang merupakan hasil kesusasteraan. Pendengar memahami maklumat yang disampaikan melalui lirik lagu berkenaan. Perlakuan ini melibatkan kemahiran lisan. Membaca dan menghayati karya-karya kesusasteraan pula melibatkan penggunaan bahasa tulisan. Kesimpulannya, kesusasteraan merupakan sebahagian daripada budaya hidup manusia serta penggambaran ekspresi diri masyarakat manusia. Karya-karya kesusasteraan dikategorikan kepada dua bahagian yang besar, iaitu prosa dan puisi.

- Prosa adalah hasil tulisan dalam bentuk ayat-ayat biasa, iaitu dengan menggunakan tatabahasa dan tatacara bahasa. Perkataan *prosa* berasal dari bahasa Latin yang bermaksud ‘terus terang’. Hasil tulisan prosa digunakan untuk menerangkan sesuatu

fakta ataupun idea. Fakta dan idea yang diuraikan dalam bentuk prosa mudah difahami. Contoh bagi karya-karya prosa ialah cerpen, novel, drama, esei dan karangan.

- Puisi merujuk kepada hasil kesusasteraan yang ditulis dalam bentuk frasa dan disusun mengikut baris. Perkataan puisi berasal daripada bahasa Yunani kuno yang bermaksud seni tulis bahasa. Puisi mempunyai nilai estetika yang tinggi dan tidak terdiri daripada ayat-ayat lengkap. Pada lazimnya, puisi merupakan bahasa yang berirama dan apabila dibaca pembaca dapat merasa rentaknya. Kesusasteraan puisi terdiri daripada sajak, syair, pantun, gurindam, lirik, seloka dan mantera.

Karya-karya kesusasteraan memaparkan peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam kehidupan harian sesuatu masyarakat. Karya-karya ini mencerminkan pemikiran dan perlakuan manusia. Dalam konteks sosial corak kehidupan dan amalan harian sesuatu masyarakat menerajui karya-karya kesusasteraan masyarakat berkenaan. Karya-karya kesusasteraan merupakan catatan sejarah kehidupan manusia. Oleh yang demikian hasil kesusasteraan sewajarnya mengungkapkan kebenaran dan bukannya kepalsuan. Berdasarkan pada hakikat ini, dapat dirumuskan bahawa karya-karya kesusasteraan adalah pantulan hidup sesuatu masyarakat. Peranannya amat luas dan penting dalam menentukan halatuju sesuatu masyarakat.

Menurut pengkaji kesusasteraan Tamil yang terkenal Ilakkuvan.C :

*Kesusasteraan (ilakkiyam) merupakan sesuatu yang mempunyai halatuju. Karya-karya kesusasteraan mencerminkan corak kehidupan sesuatu masyarakat. Oleh yang demikian, corak hidup dan amalan harian sesuatu masyarakat dapat dikenali melalui hasil-hasil kesusasteraan.*

*(Ilakkuvan.C.,2002:131)*

Karya-karya kesusasteraan juga memainkan peranan sebagai medium pendidikan yang membekalkan ilmu dan petunjuk kepada pembaca. Karya-karya kesusasteraan mendidik dan

membekalkan ilmu kepada manusia dengan memaparkan maklumat, pemikiran, perasaan dan perlakuan manusia silam. Kesemua unsur ini diselitkan dalam karya-karya kesusasteraan dengan menggunakan bahasa yang indah. Imaginasi dan daya kreativiti yang indah dan ideal menghasilkan karya-karya kesusasteraan yang bermutu tinggi.

Kesusasteraan Tamil zaman *cangam* dianggap sebagai koleksi karya-karya kesusasteraan yang bermutu tinggi. Kesusasteraan Tamil zaman *cangam* merupakan koleksi puisi-puisi yang ditulis oleh para pujangga zaman *cangam*. Mereka mempunyai nilai diri dan tanggungjawab terhadap masyarakat Tamil. Terdapat 39 buah buku karya-karya kesusasteraan Tamil klasik. Perinciannya adalah seperti berikut:

**Rajah 1.2: Buku-buku Kesusasteraan Tamil Zaman Cangam**

<b>Bil.</b>	<b>Judul Buku</b>	<b>Istilah Bahasa Melayu</b>	<b>Jumlah</b>
1	<i>Tholkaapiyam</i>	Tatabahasa dan Penulisan	1
2	<i>Iraddai kaappiyam</i> ( <i>Silappatigaaram dan Manimegalai</i> )	Karya berganda	2
3	<i>Pathinenmelkanakku Noolgal</i>	Lapan belas karya	18
4	<i>Pathinenkeelkanakku Noolgal</i>	Lapan belas karya	18
<b>Jumlah Buku</b>			<b>39</b>

Kesemua karya kesusasteraan Tamil klasik membekalkan pelbagai maklumat tentang amalan kebudayaan dan corak kehidupan masyarakat Tamil zaman *cangam*. Karya-karya ini memaparkan budaya, agama, aktiviti harian, politik dan juga unsur-unsur kemasyarakatan pada zaman *cangam*. Kesemua karya-karya kesusasteraan Tamil ini merupakan sumber yang membuktikan amalan kebudayaan dan corak kehidupan masyarakat Tamil zaman *cangam*.

Keseluruhan koleksi sajak zaman *cangam* mengandungi 2 381 buah puisi yang ditulis oleh 473 orang pujangga (*pulavar*) dari pelbagai sudut di *Tamilagam* iaitu India Selatan. Para pujangga lelaki dan perempuan turut menyumbang karya dalam memperkayakan koleksi kesusasteraan Tamil zaman *cangam*.

Secara umumnya, karya-karya kesusasteraan Tamil zaman *cangam* dibahagikan kepada dua kategori yang utama iaitu kesusasteraan berunsur *agam* dan kesusasteraan berunsur *puram*. Karya-karya kesusasteraan *agam* (*inner field*) mencerminkan unsur-unsur dalaman manusia seperti perasaan dan pemikiran manakala karya-karya kesusasteraan *puram* (*outer field*) pula membincangkan unsur-unsur luaran manusia seperti perlakuan dan percakapan. Karya-karya kesusasteraan *puram* lebih menjurus ke arah perlakuan luaran manusia.

Kewujudan kedua-dua jenis karya ini dapat dibuktikan melalui puisi berikut:

அகத்ததும் புறத்தது மாயிரு பகுதியின்  
மிகுத்தது மாகி விரிந்தது பொருளே

(*Tamil Neri Vilakkam:1, Tahun penulisan tidak dikenalpasti*)

*agattum purattatu maayiru pagutiyin*  
*miguttatu maagi virintatu porule*

- *agam dan puram*  
*merupakan unsur kesusasteraan*

Puisi ini membincangkan kewujudan dua kategori kesusasteraan iaitu, kesusasteraan berunsur *agam* dan juga *puram*. Kedua-dua jenis kesusasteraan ini melambangkan keunggulan dan kewibawaan masyarakat Tamil zaman *cangam*. Kesusasteraan *agam* dan *puram* masing-masing membincangkan kematangan amalan kehidupan dan corak pemikiran masyarakat Tamil zaman *cangam*. *Agam* dan *puram* merangkumi keseluruhan ruang sesuatu karya kesusasteraan. Perincian tentang karya-karya *agam* dan karya-karya *puram* adalah seperti berikut:



**Agam** – merujuk perlakuan dalaman manusia. Perasaan dan pemikiran seseorang digolongkan dalam bidang *agam*. Perasaan kasih sayang, kemarahan, kekecewaan, prihatin, menuntut kebebasan, berperang dan bergaduh dianggap sebagai unsur-unsur *agam*. Segala perasaan ini wujud di dalam diri seseorang manusia. Oleh yang demikian, unsur ini digelar sebagai *agam* dan karya-karya ini merangkumi gaya pemikiran dan minda seseorang. Teks *Tholkaapiyam* mengesahkan hakikat ini melalui sajak berikut :

மக்கள் நுதலிய அகன்ஐந் திணையும்

(*Tholkaapiyam, Porulathikaaram, Agattinaiyiyal,57:1*)

*maakal nutaliya aganain tinaiyum*

- *perlakuan dalaman manusia*

Menurut baris ini, perkataan *agam* ialah tindak balas yang berlaku di dalam diri seseorang. Pada lazimnya unsur ini berkaitan dengan perlakuan emosi dan positif dalaman, iaitu, *agavolukkam*. Perasaan kasih sayang dan percintaan antara wira dan wirawati diberi keutamaan dalam karya-karya kesusasteraan *agam*. Pada umumnya, karya-karya kesusasteraan *agam* membincangkan unsur-unsur kemanusiaan dalam kesusasteraan (*humanization of literature*).

**Puram** – merujuk perlakuan luaran dan tingkahlaku seseorang. Perkataan *puram* membawa maksud luaran. Perlakuan-perlakuan luaran seperti perhubungan antara masyarakat, pertuturan, amalan kehidupan dan perlakuan peribadi seseorang dianggap sebagai *puram*. Hampir kesemua aktiviti dan tindakan luaran digolongkan dalam kesusasteraan *puram*. Memandangkan aktiviti-aktiviti ini berlaku di luar, maka ianya dapat dilihat dan dinilai serta dapat dianalisis melalui mata kasar. Teks *Tholkaapiyam* memaparkan unsur-unsur *puram* mengikut tempat tinggal (*thinai*) sesuatu golongan. Hakikat ini dapat dibuktikan melalui puisi-puisi berikut:

வஞ்சி தானே முல்லையது புறனே

(*Tholkaapiyam, Porulathikaaram, Purattinaiyiyal,6:1*)

*vanji taneh mullaiyatu puraneh*

- *kehidupan di Vanji merupakan unsur puram*

உழிஞை தானே மருதத்துப் புறனே

(*Tholkaapiyam, Porulathikaaram, Purattinaiyiyal,8:1*)

*ulinjai taneh maruthattu puraneh*

- *perlakuan di Marutham adalah berunsur puram*

தும்பை தானே நெய்தலது புறனே

(*Tholkaapiyam, Porulathikaaram, Purattinaiyiyal:12:1*)

- *tumbai taneh Neytalatu puraneh*

*perlakuan di Neytal adalah berunsur puram*

வாகை தானே பாலையது புறனே

(*Tholkaapiyam, Porulathikaaram, Purattinaiyiyal,15:1*)

- *vaagai taneh paalaiyatu puraneh*

*kehidupan di kawasan Vaagai merupakan puram*

Kesemua baris ini menyatakan bahawa unsur-unsur *puram* berkisar tentang peristiwa-peristiwa yang berlaku di luar diri seseorang.

Pembahagian karya-karya kesusasteraan *agam* dan *puram* berdasarkan pada bentuk muka bumi (*ecological zones*) dan corak kehidupan manusia. Bentuk muka bumi dan keadaan alam semulajadi mempengaruhi keseluruhan corak kehidupan manusia. Manusia membentuk dan mencorakkan kehidupan berdasarkan kepada unsur-unsur ini.

Pembahagian tempat tinggal masyarakat Tamil zaman *cangam* turut dijelaskan dalam teks *Tholkaapiyam*.

நடுவன் ஐந்தினை நடுவணது ஒழியப்

படுதிரை வையம் பாத்திய பண்பே

(*Tholkaapiyam, Porulathikaaram, Agattinaiyiyal:2*)

*naduvan aintinai naduvanatu oliya  
padutirai vaiyam paattiya panbeh*

- *mullai, kurinchi, paalai, marutham, neytal didiami oleh manusia*

Menurut bait ini, kehidupan manusia berdasarkan kepada lima jenis tempat tinggal, iaitu, *Kurinchi, Mullai, Marutham, Neytal* dan *Paalai*. Tempat tinggal masyarakat Tamil zaman *cangam* dikenali sebagai *thinai (ecological zones)*. *Thinai* menjadi asas kepada corak kehidupan masyarakat Tamil zaman *cangam*. Masyarakat Tamil mengenalpasti bentuk dan corak muka bumi kawasan persekitaran lalu menamakannya. Pembahagian *thinai* adalah berdasarkan bentuk muka bumi, alam semulajadi iaitu alam flora dan fauna serta cuaca. *Thinai* mempengaruhi keseluruhan amalan kehidupan serta amalan kebudayaan masyarakat Tamil zaman *cangam*. Setiap perlakuan harian mereka melibatkan *thinai* dan setiap *thinai* memiliki unsur-unsur alam semulajadi yang berlainan. Perbezaan ini membentuk corak hidup masyarakat Tamil zaman *cangam*.

Kelima-lima jenis *thinai (Kurinchi, Mullai, Marutham, Neytal* dan *Paalai)* mempunyai ciri-ciri yang tersendiri. Masyarakat Tamil zaman *cangam* memiliki gelaran puak yang tersendiri mengikut *thinai*. Dewa penyembahan dan perayaan mereka turut berbeza. Corak pekerjaan, makanan, permainan, aktiviti kesenian dan tempat kediaman mereka adalah berbeza mengikut *thinai*. *Thinai* bukan sahaja memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia malahan turut memainkan peranan dalam kehidupan alam flora dan fauna. Setiap *thinai* memiliki haiwan dan tumbuhan yang berbeza. Secara umumnya, corak kehidupan dan amalan kebudayaan masyarakat Tamil zaman *cangam* adalah berdasarkan *thinai*. Perincian *thinai* adalah seperti berikut:

**Rajah 1.3: Perincian *Thinai* (Ecological Zones)**

Bil.	<i>Thinai</i>	Perincian	
1	<i>Kurinchi</i> (Kawasan pergunungan)	Kawasan	Pergunungan
		Tuhan	Dewa <i>Murugan</i>
		Kaum	<i>Kundravar, kuravar</i> ataupun <i>kaanavar</i>
		Perayaan	<i>Veriyaaddam</i>
		Pekerjaan	Menanam padi, ubi kayu dan mengumpul madu
		Makanan	Hasil tanaman dan hasil pencarian hutan
		Permainan dan aktiviti kesenian	- menjinakan lembu ( <i>yheru taluvutal</i> ) - bermain muzik ( <i>kurinchi pan</i> )
		Tempat kediaman	<i>Sirukudi</i> ataupun <i>kurinchi</i>
		Binatang	Harimau, beruang, gajah, monyet, burung nuri dan burung merak
		Pokok	Nangga, jati, cendana dan buluh
2	<i>Mullai</i> (Kawasan hutan)	Kawasan	Hutan
		Tuhan	Dewa <i>Maayon (Thirumaal)</i>
		Kaum	<i>Aayar</i> atau <i>idaiyar</i>
		Perayaan	<i>Veriyaaddam</i>
		Pekerjaan	- mengembala lembu dan kambing - pertanian - memburu dan memungut hasil hutan
		Makanan	Hasil tanaman seperti bijian <i>varagu, saamai, mutirai</i> serta hasil pemburuan seperti rusa, babi hutan dan ayam hutan
		Permainan dan aktiviti kesenian	- menjinakan lembu ( <i>yheru taluvutal</i> ) - bermain muzik ( <i>saataari pan</i> )
		Tempat kediaman	<i>Sidroor</i> dan <i>Paadi</i>
		Binatang	Rusa, arnab, ayam hutan dan burung pipit
		Pokok	<i>Kondrai</i> dan <i>taamarai</i> (lotus)

**Rajah 1.3, Sambungan**

<b>Bil.</b>	<b><i>Thinai</i></b>	<b>Perincian</b>	
3	<i>Marutham</i> (Kawasan pertanian)	Kawasan	Tanah pertanian
		Tuhan	Dewa <i>Indiran</i>
		Kaum	<i>Ulavar</i> dan <i>kadaiyar</i>
		Perayaan	<i>Ponggal</i>
		Pekerjaan	Menanam padi, <i>tinai</i> dan sayuran
		Makanan	Hasil tanaman seperti beras dan <i>varagu</i>
		Permainan dan aktiviti kesenian	- permainan air - bermain muzik ( <i>Marutha pan</i> )
		Tempat kediaman	<i>Peroor</i> atau <i>mootoor</i>
		Binatang	Kerbau, anjing laut dan burung bangau
		Pokok	Mangga dan lotus
4	<i>Neytal</i> (Laut dan persisiran pantai)	Kawasan	Laut dan persisiran pantai
		Tuhan	<i>Varunan</i> ( <i>Vannan</i> )
		Kaum	<i>Baratavar</i> , <i>nulaiyaar</i> dan <i>alavar</i>
		Perayaan	<i>Punal vilah</i>
		Pekerjaan	- perikanan - menjual garam - membuat barang perhiasan diri daripada siput
		Makanan	Hasil laut seperti ikan, udang dan ketam
		Permainan dan aktiviti kesenian	- permainan air ( <i>punal aaddam</i> ) - bermain muzik ( <i>Neytal pan</i> )
		Tempat kediaman	<i>Paakkam</i> atau <i>paddinam</i>
		Binatang	Buaya, ikan yu dan burung gagak
		Pokok	<i>Punnai</i> , <i>taalai</i> , <i>mundagam</i> dan <i>alambam</i>

**Rajah 1.3, Sambungan**


<b>Bil.</b>	<b><i>Thinai</i></b>	<b>Perincian</b>	
5	<i>Paalai</i> (Kawasan kering-kontang)	Kawasan	Kawasan kering kontang (tanah <i>Paalai</i> adalah paduan antara tanah <i>Mullai</i> dan <i>Kurinchi</i> yang berubah musim)
		Tuhan	Dewi <i>Koddravai</i>
		Kaum	<i>Yeyinar</i> dan <i>maravar</i>
		Perayaan	<i>Koddravai valipaadu</i>
		Pekerjaan	- perang - merampas ternakan ( <i>aanirai kavartal</i> )
		Makanan	Hasil pemburuan seperti kambing, biawak dan burung
		Permainan dan aktiviti kesenian	- tarian perang ( <i>phor nadanam</i> ) - bermain muzik ( <i>Paalai pan</i> )
		Tempat kediaman	<i>Kurumbu</i>
		Binatang	<i>Sennaai</i> , harimau, gajah, cicak dan burung helang
		Pokok	-

(Sumber: *Tholkaapiyam*, 6 SM)

Kesusasteraan Tamil zaman *cangam* diperkayakan dengan karya-karya kesusasteraan yang dihasilkan oleh para pujangga. Hampir kesemua karya ini ditulis dalam bentuk puisi. Penggunaan bahasa yang indah, paparan peristiwa yang menarik dan daya kreativiti para pujangga menjamin keindahan karya-karya kesusasteraan Tamil zaman *cangam*.

Karya-karya kesusasteraan Tamil dikategorikan dalam dua golongan yang utama. Pembahagian ini berdasarkan kepada zaman kewujudan karya berkenaan, iaitu, karya-karya kesusasteraan ‘Zaman *Cangam*’ dan karya-karya kesusasteraan zaman ‘Peredaran *Cangam*’.

#### **Rajah 1.4: Pembahagian Karya-karya Kesusasteraan Zaman Cangam**



*Patinenmelkanakku noolgal* dianggap sebagai karya-karya kesusasteraan zaman *cangam* manakala *Patinenkeelkanakku noolgal* pula dikategorikan sebagai karya-karya kesusasteraan zaman ‘Peredaran *Cangam*’. Perkataan *noolgal* membawa maksud buku, teks ataupun antologi. Manakala, perkataan *pathinen* pula merujuk bilangan lapan belas. Ini bermakna setiap kategori mengandungi lapan belas buah buku kesusasteraan.

- *Patinenmelkanakku noolgal* mengandungi lapan belas karya kesusasteraan Tamil dan dibahagikan kepada dua kategori iaitu *Eddutogai* (Lapan Antologi) dan *Pattupaaddu* (Sepuluh Antologi).
- *Patinenkeelkanakku noolgal* pula mengandungi lapan belas karya kesusasteraan Tamil.

Kedua-dua bahagian ini mengandungi sejumlah 36 buah buku. Hampir kesemua buku ini memaparkan amalan kebudayaan dan corak kehidupan masyarakat Tamil zaman *cangam*. Keseluruhan karya-karya kesusasteraan zaman *cangam* menjadi sumber sejarah dan lambang kemegahan masyarakat Tamil dunia ini. Sebuah puisi lama (*Palaiya Venpaa*) membuktikan kewujudan *Patinenmelkanakku noolgal*.

Di samping itu, senarai buku yang terdapat dalam bahagian ini turut diperincikan dalam puisi ini.

முருகு பொருணாறு பானிரண்டு முல்லை  
பெருகு வளமதுரை கஞ்சி – மருவினிய  
கோலநேடு நல்வாடை கோல்குறிஞ்சி பட்டின  
பாலை கடாத்தொடும் பத்து

(*Palaiya Venpaa, Tahun penulisan tidak dikenalpasti*)

*murugu porunaaru paanirandu mullai  
perugu valamadurai kaanji – maruviniya  
kolanedu nalvaadai kolkurinji paddina  
paalai kadaattodum pattu*

- *Thirumurugarrupadai, Porunaraadrupadai, Sirupaanaarrupadai dan Perumpaanarrupadai, Mullaippaddu, Maduraikaanji, Nedunalvaadai, Kurinjipaaddu, Paddinappaalai, dan Malaipadukadaam* merupakan buku-buku koleksi *Pattuppaaddu*.

Menurut puisi ini, *murugu* (*Thirumurugarrupadai*), *porunaaru* (*Porunaraadrupadai*), *paanirandu* (*Sirupaanaarrupadai* dan *Perumpaanarrupadai*), *mullai* (*Mullaippaddu*), *maduraikaanji* (*Maduraikaanji*), *nedunalvaadai* (*Nedunalvaadai*), *kurinji* (*Kurinjipaaddu*), *paddina paalai* (*Paddinappaalai*) dan *kadaattodum* (*Malaipadukadaam*) merupakan sepuluh buah buku yang terdapat dalam bahagian *pattuppaaddu*.



**Rajah 1.5 : Patinenmelkanakku Noolgal**

Bil.	<i>Pattupaaddu</i> (Sepuluh Antologi)	Bil.	<i>Ettutogai</i> (Lapan Antologi)
1	<i>Thirumurugarrupadai</i>	1	<i>Natrinai</i>
2	<i>Porunaraadrupadai</i>	2	<i>Kuruntogai</i>
3	<i>Sirupaanaarrupadai</i>	3	<i>Aingkurunuru</i>
4	<i>Perumpaanarrupadai</i>	4	<i>Patirrupattu</i>
5	<i>Mullaippaddu</i>	5	<i>Paripaadal</i>
6	<i>Maduraikaanji</i>	6	<i>Kalitogai</i>
7	<i>Nedunalvaadai</i>	7	<i>Akananuru</i>
8	<i>Kurinjipaaddu</i>	8	<i>Purananuru</i>
9	<i>Paddinapaalai</i>	-	-
10	<i>Malaipadukadaam</i>	-	-

(Sumber: *Ilakiyam Koorum Tamilar Vaalviyal*,2002)

Manakala, kewujudan bahagian *Patinenkeelkanakku noolgal* dapat diketahui melalui puisi berikut:

நாலடி நான்மணி நாநாற்பது ஐந்திணைமுப்  
பால்கடுங் கோவை பழமொழி – மாமூலம்  
இன்னிலைசொல் காஞ்சியுடன் ஏலாதி என்பவே  
கைன்னிலைய வாங்கீழ் கணக்கு

(*Palaiya Venpaa, Tahun penulisan tidak dikenali*)

*naaladi naanmani naanaarpatu aintinaimup  
paalkadung kovai palamoli – maamoolam  
innilaisol kaanjiyudan yelaati yenpave  
kainnilaiya vaangkeel kanakku*

- *Naaladiyaar, Naanmanikadigai, Innaa naarpatu, Iniyavai naarpatu, Kaar naarpatu dan Kalavali naarpatu, Aintinai aimpatu dan Aintinai yelupatu, Thirukkural, Thirikadugam, Acaarakovai, Palamoli naanooru, Sirupancamoolam, Thinaimoli aimpatu, dan Thinaimalai noorru aimpatu, Mutumolikkaanji, Yelaati, dan Kainnilai* adalah karya-karya *Patinenkeelkanakku noolgal*.

Puisi ini menyatakan bahawa *naaladi* (*Naaladiyaar*), *naanmani* (*Naanmanikadigai*), *naanaarpatu* (*Innaa naarpatu*, *Iniyavai naarpatu*, *Kaar naarpatu* dan *Kalavali naarpatu*), *aintinai* (*Aintinai aimpatu* dan *Aintinai yelupatu*), *muppaal* (*Thirukkural*), *kadung* (*Thirikadugam*), *kovai* (*Aacaarakovai*), *palamoli* (*Palamoli naanooru*), *maamoolam* (*Sirupancamoolam*), *innilaisol* (*Thinaimoli aimpatu* dan *Thinaimalai noorru aimpatu*), *kaanji* (*Mutumolikkaanji*), *yelaati* (*Yelaati*) dan *kainnilai* (*Kainnilai*) merupakan karya-karya bahagian *Patinenkeelkanakku noolgal*.

**Rajah 1.6 : Patinenkeelkanakku Noolgal**

<b>Bil.</b>	<b>Nama Karya</b>	<b>Bil</b>	<b>Nama Karya</b>
1	<i>Naaladiyaar</i>	10	<i>Thinaimalai noorru aimpatu</i>
2	<i>Naanmanikadigai</i>	11	<i>Thirukkural</i>
3	<i>Innaa naarpatu</i>	12	<i>Thirikadugam</i>
4	<i>Iniyavai naarpatu</i>	13	<i>Aacaarakovai</i>
5	<i>Kaar naarpatu</i>	14	<i>Palamoli naanooru</i>
6	<i>Kalavali naarpatu</i>	15	<i>Sirupancamoolam</i>
7	<i>Aintinai aimpatu</i>	16	<i>Mutumolikkaanji</i>
8	<i>Thinaimoli aimpatu</i>	17	<i>Yelaati</i>
9	<i>Aintinai yelupatu</i>	18	<i>Kainnilai</i>

(Sumber: *Ilakiyam Koorum Tamilar Vaalviyal*,2002)

Kesemua karya kesusasteraan klasik ini memaparkan pelbagai maklumat tentang sejarah, amalan budaya, aktiviti harian, perlakuan peristiwa dan perilaku individu masyarakat Tamil zaman *cangam*. Elemen-elemen ini dipaparkan dengan penggunaan bahasa yang indah dan daya kreativiti yang tinggi. Pada hakikatnya, karya-karya kesusasteraan Tamil zaman

*cangam* merupakan hasil karya yang ideal. Karya-karya ini memaparkan nilai-nilai kehidupan yang dimiliki oleh masyarakat Tamil zaman *cangam*.

### 1.3 Antologi *Akananuru*

Antologi *Akananuru* digolongkan sebagai karya *agam* yang membincangkan unsur-unsur dalaman manusia seperti perasaan dan pemikiran. Antologi *Akananuru* dikategorikan sebagai *Patinenmelkanakku noolgal* dalam bahagian *Ettutogai noolgal*.

Pengkaji sejarah masyarakat Tamil klasik, *Ma.Erasamaanikkam* mencirikan kandungan antologi *Akananuru* seperti berikut:

*Akananuru, Nadrinai, Kuruntogai, Aingkurunuru, Paripaadal, Kalittogai merupakan karya-karya sastera klasik yang menerapkan tatacara pentadbiran raja-raja Tamil klasik. Peperangan, perlakuan golongan perempuan, sistem kehakiman dan corak pentadbiran kawasan dipaparkan dalam karya-karya ini.*

(*Erasamaanikkam.Ma.*,2009:11)

Secara amnya, hampir kesemua karya kesusasteraan Tamil zaman *cangam* mencerminkan amalan-amalan kebudayaan dan corak kehidupan masyarakat Tamil. Di samping itu, karya-karya ini juga memaparkan unsur-unsur sejarah tentang perkembangan dan pembangunan masyarakat Tamil zaman *cangam*. Corak pemikiran dan perlakuan masyarakat Tamil turut dipaparkan dalam karya-karya zaman *cangam*.

Bahasa dan kreativiti yang indah dijadikan sebagai elemen bagi menyampaikan maklumat tentang amalan-amalan kebudayaan dan corak kehidupan masyarakat Tamil zaman *cangam*. Amalan-amalan kebudayaan dan aktiviti-aktiviti harian mereka dibentangkan dengan ungkapan-ungkapan yang menarik. Unsur-unsur kehidupan harian seperti penyembahan

kepada Tuhan, kasih sayang, makanan, pekerjaan, pengangkutan, perhiasan diri, pemakaian, permainan dan aktiviti kesenian dibincangkan secara terperinci dalam antologi *Akananuru*.

Antologi *Akananuru* mengandungi 400 buah puisi yang disusun dalam tiga bahagian, iaitu, *Kalirriyanai nirai*, *Manimidai pavalam* dan *Nittila kovai*. Di samping itu terdapat sebuah puisi pembuka tirai sebagai doa Tuhan iaitu *Sivapiraan vaalttu* yang tidak dikenali nama pujangga. Kesemua puisi dalam antologi *Akananuru* terdiri daripada puisi jenis *akaval*. Puisi *akaval* ialah puisi jenis bebas dari jumlah baris iaitu *vari* dan setiap barisnya terdiri daripada empat patah perkataan yang dikenali sebagai *seer*. Ini bermakna puisi jenis *akaval* tidak terikat kepada jumlah baris dan bilangan rangkap. Teks *Tholkaapiyam* menyatakan bahawa puisi *agaval* turut dikenali dengan nama *aasiriyappah* (*agava lenba taasiri yammeh*).

அகவ லென்ப தாசிரி யம்மே  
*agava lenba taasiri yamme*

(*Tholkaappiyam, Seyyuliyal:386*)

- *agal* turut dikenali sebagai *aasiriyappah*

Rangkaian kata ini membuktikan nama dan bentuk sajak *agaval*.

Puisi yang terkecil dalam antologi *Akananuru* terdiri daripada 13 baris manakala yang terpanjang pula terdiri daripada 37 baris. Kebanyakan puisi dalam antologi *Akananuru* terdiri daripada puisi yang panjang. Memandangkan hakikat ini antologi *Akananuru* digolongkan dalam koleksi puisi panjang *Neduntogai* (*Vadarajan.M,1956:1*) atau *Ahappattu*. Perkataan *nedun* merujuk kepada bentuk yang panjang (*neduntogai*).

**Rajah 1.7 : Kandungan Antologi Akananuru**

<b>Bil.</b>	<b>Bahagian</b>	<b>Bilangan Puisi</b>	<b>Bilangan Pujangga</b>	<b>Puisi yang tidak dikenali nama pujangga</b>
1	<i>Kalidriyaanai Nirai</i>	120	82	2 (114 dan 117)
2	<i>Manimidai Pavalam</i>	180	76	1 (165)
3	<i>Nittila Kovai</i>	100	57	-
<b>Jumlah</b>		400	215 (39 orang pujangga menyumbangkan puisi dalam beberapa bahagian)	3

(Sumber: Antologi *Akananuru*)

Seramai 145 orang pujangga menyumbangkan karya dalam antologi *Akananuru*. Mereka menggambarkan kebanyakan aktiviti harian dan amalan kebudayaan masyarakat Tamil zaman *cangam*. Para pujangga menggunakan bahasa yang indah dan daya kreativiti yang tinggi untuk menggambarkan perlakuan-perlakuan harian masyarakat Tamil zaman *cangam*.

Usaha penyuntingan kesemua puisi antologi *Akananuru* telah dilakukan oleh *Madurai Uppoorikudikilaar Maganaar Uruttira Sanmar*. Aktiviti penyuntingan ini telah dilakukan di bawah pengawasan *Raja Pandiyan Ukkirapperu Valuti* yang juga merupakan pujangga bagi puisi yang ke-26. Senarai pujangga antologi *Akananuru* adalah seperti berikut :

**Rajah 1.8: Senarai Pujangga Antologi Akananuru**

**Bahagian : Kalidriyaanai Nirai**

<b>Bil.</b>	<b>Nama Pujangga</b>	<b>No. Puisi</b>
1	<i>Aalamperi Saattanaar</i>	47, 81
2	<i>Aalangkudi Vanganaar</i>	106
3	<i>Aarkkaadukilaar Maganaar Vellai Kannattanaar</i>	64
4	<i>Aavoor Moolangkilaar</i>	24
5	<i>Avvaiyaar</i>	11
6	<i>Alloor Nanmullaiyaar</i>	46
7	<i>Ammoovanaar</i>	10, 35
8	<i>Anti Ilangkeeranaar</i>	71
9	<i>Eelattu Pootan Tevanaar</i>	88
10	<i>Kaaddoorkilaar Maganaar Kannanaar</i>	85
11	<i>Kaavalmullai Pootanaar</i>	21
12	<i>Kaavirippoompaddinattu Kaarikkannanaar</i>	107
13	<i>Kaavirippoompaddinattu Sengkannanaar</i>	103
14	<i>Kabilar</i>	2,12,18,42,82,118
15	<i>Kaduntodai Kaavinaar</i>	109
16	<i>Kallaadanaar</i>	9, 83, 113
17	<i>Kanakkaayanaar Maganaar Nakkeeranaar</i>	93
18	<i>Karuvor Kannam Pullanaar</i>	63
19	<i>Kavuvor Pootansaattanaar</i>	50
20	<i>Kayamanaar</i>	7, 17
21	<i>Kudavaayir Keerattanaar</i>	44, 60, 79, 119
22	<i>Kundriyanaar</i>	40, 41
23	<i>Kurungkudi Marutanaar</i>	4
24	<i>Maaddoor Kilaar Maganaar Kodrang Kodranaar</i>	54
25	<i>Maamoolanaar</i>	1,5,13,55,61, 65,91,97,101,115
26	<i>Madurai Alakkar Yaalaar Maganaar Mallanaar</i>	33
27	<i>Madurai Aruvai Vaanigan Ilaveddanaar</i>	56
28	<i>Madurai Ilampaalaasiriyar Sentan Koottanaar</i>	102
29	<i>Madurai Kaanchi Pulavar</i>	89
30	<i>Madurai Kanakkaayanaar</i>	27
31	<i>Madurai Kavuniyan Pootattanaar</i>	74
32	<i>Madurai Marutan Ilanaaganaar</i>	34,59,77,90,104
33	<i>Madurai Nakkeeranaar</i>	36
34	<i>Madurai Paalaasiriyar Nadraamanaar</i>	92
35	<i>Madurai Pandavhanigan Ilanthevanaar</i>	58
36	<i>Madurai Peraalavaayar</i>	87
37	<i>Madurai Pottanaar</i>	75
38	<i>Madurai Sengkannanaar</i>	39
39	<i>Madurai Tamikkoottan Kaduvan Mallanaar</i>	70
40	<i>Madurai Yeluttaalanaar</i>	84
41	<i>Madurainyaasiriyar Nallantuvanaar</i>	53
42	<i>Marungoor Kilaar Perungkannanaar</i>	80
43	<i>Marutham Paadiya Ilangdungoh</i>	96
44	<i>Mudanggi Kidanta Cheralaatan</i>	30
45	<i>Nakkeeranaar</i>	6, 17, 78, 91, 110
46	<i>Nallaavoor Kilaar</i>	86

**Rajah 1.8, Sambungan**

<b>Bil.</b>	<b>Nama Pujangga</b>	<b>No. Puisi</b>
47	<i>Nalvelliyaar</i>	32
48	<i>Nanbaloor Sirumetaaviyaar</i>	94
49	<i>Neytar Saaittuytta Aavoora Kilaar</i>	112
50	<i>Nocci Niyamangkilaar</i>	52
51	<i>Noi Paadiyaar</i>	67
52	<i>Okkoora Maasaattanaar</i>	14
53	<i>Ollaiyoora Tanta Pootappaandiyan</i>	25
54	<i>Ooddiyaar</i>	68
55	<i>Paalai Paadiya Perungkadungoh</i>	5, 99, 111
56	<i>Paandiyan Arivudai Nambi</i>	28
57	<i>Paandiyan Kaanappereyil Tanta Ukkira Peruvaluti</i>	26
58	<i>Paranar</i>	6,62,76,116
59	<i>Peri Saattanaar</i>	38
60	<i>Perungkundroora Kilaar</i>	8
61	<i>Peruntalai Saattanaar</i>	13
62	<i>Peruntevanaar</i>	Puisi aluan, 56
63	<i>Pontai Pasalaiyaar</i>	110
64	<i>Poruntil Ilangkeeranaar</i>	39
65	<i>Saagalaasanaar</i>	16
66	<i>Seettalai Saattanaar</i>	53
67	<i>Sellor Kosigan Kannanaar</i>	66
68	<i>Sentam Pootanaar</i>	37
69	<i>Taayangkannanaar</i>	105
70	<i>Tangaal Mudakkodranaar</i>	48, 108
71	<i>Ulocchanaar</i>	20, 100
72	<i>Umadoorkilaar Maganaar Parangkodranaar</i>	69
73	<i>Uraiyoora Salliyan Kumaranaar</i>	44
74	<i>Urodagattu Kantarattanaar</i>	23, 95
75	<i>Vannappura Kanttarattanaar</i>	49
76	<i>Vellaadiyanaar</i>	29
77	<i>Velli Veetiyaar</i>	45
78	<i>Veripaadiyaa Kaamakkanniyaar</i>	22, 98
79	<i>Vidroodru Mooteyinanaar</i>	37
80	<i>Yerumai Veliyanaar</i>	73
81	<i>Yerumai Veliyanaar Maganaar Kadalanaar</i>	72
82	<i>Yeyinantai Maganaar Ilangkeeranaar</i>	3
83	<i>*Tidak dikenali nama pujangga</i>	114
84	<i>*Tidak dikenali nama pujangga</i>	117

**Jadual 1.9: Senarai Pujangga Antologi Akananuru**

**Bahagian : *Manimidai Pavalam***

<b>Bil.</b>	<b>Nama Pujangga</b>	<b>No. Puisi</b>
1	<i>Aalamperi Saattanaar</i>	143, 175
2	<i>Aamoor Kavutaman Saatevanaar</i>	159
3	<i>Aavoor Kilaar Maganaar Kannanaar</i>	202
4	<i>Aavoor Moolangkilaar</i>	156
5	<i>Aavoor Moolangkilaar Maganaar Peruntalai Saattanaar</i>	224
6	<i>Ammoovanaar</i>	140, 280
7	<i>Andar Magan Kuruvalutiyaar</i>	150, 228
8	<i>Avvaiyaar</i>	147, 273
9	<i>Cheramaan Ilangkudduvan</i>	153
10	<i>Eelattu Pootan Tevanaar</i>	231
11	<i>Idaikkaadanaar</i>	139, 174, 194, 284
12	<i>Idaiyan Nedungkeeranaar</i>	166
13	<i>Irangudi Kundra Naadan</i>	215
14	<i>Irungkon Ollaiyaayan Senkannanaar</i>	279
15	<i>Iyoor Mudavanaar</i>	216
16	<i>Kaavan Mullai Pootanaar</i>	151,241,293
17	<i>Kaaviri Poompaddinattu Kaarikannanaar</i>	123, 285
18	<i>Kaaviri Poompaddinattu Sengkannanaar</i>	271
19	<i>Kabilar</i>	128, 158, 182, 203, 218, 238, 248, 278, 392
20	<i>Kadiyaloor Uruttirang Kannanaar</i>	167
21	<i>Kalaar Keeran Yeyidriyaar</i>	163, 217, 235, 298
22	<i>Kallaadanaar</i>	171, 199, 209
23	<i>Karuvoor Kalingattaar</i>	183
24	<i>Karuvoor Kallam Paalanaar</i>	180, 263
25	<i>Karuvoor Nanmaarban</i>	277
26	<i>Kayamanaar</i>	145, 189, 195, 219, 221, 259, 275
27	<i>Kodimangalattu Vaatuli Narsentanaar</i>	179, 282
28	<i>Koddampalattu Tunjiya Cheramaan</i>	168
29	<i>Kodiyoor Kilaar Maganaar Neytarrattanaar</i>	253
30	<i>Kumuli Yaalalaar Nappasalaiyaar</i>	150
31	<i>Kudavaayir Keerattanaar</i>	129, 287
32	<i>Maamoolanaar</i>	127, 187, 197, 201, 211 233, 251, 265, 281, 295
33	<i>Madurai Alakkar Yaalaar Maganaar Mallanaar</i>	144, 174, 244
34	<i>Madurai Aruvai Vaanigan Ilavheddanaar</i>	124, 230, 254, 272
35	<i>Madurai Kaamakkani Nappaalattanaar</i>	204
36	<i>Madurai Kallir Kadaiyattan Vennaganaar</i>	170
37	<i>Madurai Koolavaanigan Seettalai Saattanaar</i>	134, 229
38	<i>Madurai Marutangkilaar Maganaar PerungKannanaar</i>	247
39	<i>Madurai Maruthan Ilanaaganaar</i>	121, 131, 184, 193, 206, 220,245,255, 296, 283, 297
40	<i>Madurai Paalaasiriyen Nappaalanaar</i>	172
41	<i>Madurai Pandavaanigan Ilantevanaar</i>	298
42	<i>Madurai Peraalavaayaar</i>	296
43	<i>Madurai Pullang Kannanaar</i>	161
44	<i>Madurai Tamil Koottan Kaduvan Mallanaar</i>	256



**Rajah 1.9, Sambungan**

<b>Bil.</b>	<b>Nama Pujangga</b>	<b>No. Puisi</b>
45	<i>Madurai Tamil Koottan Naagan Tevanaar</i>	164
46	<i>Madurai Yeluttaalan Sentam Pootanaar</i>	207
47	<i>Marutham Paadiya Ilangkadungoh</i>	176
48	<i>Mosi Karaiyanaar</i>	260
49	<i>Muliyoor Pootiyaar</i>	173
50	<i>Nakkannaiyaar</i>	25
51	<i>Nakkeerar</i>	126, 141, 205, 227, 249, 253, 290
52	<i>Oram Pogiyaar</i>	286
53	<i>Orodagattu Kantarattanaar</i>	191
54	<i>Paalai Paadiya Perungkadungoh</i>	155,185,223,251, 269,291
55	<i>Paanar</i>	122,125,135 142, 148, 152, 162,178, 181,186, 196,198, 208,212,222, 226, 236,246, 258, 262, 266, 276
56	<i>Peyanaar</i>	234
57	<i>Potumpil Kilaan Venkannanaar</i>	130, 192
58	<i>Potumpil Pullalang Kanniyar</i>	154
59	<i>Saagalaasanaar</i>	270
60	<i>Selloorkilaar Maganaar Perumpootang Kodranaar</i>	250
61	<i>Seyaloor Ilampon Saattan Koddranaar</i>	177
62	<i>Taayangkannanaar</i>	132, 159, 213, 237
63	<i>Tol Kabilar</i>	282
64	<i>Tondi Aamoor Saattanaar</i>	169
65	<i>Ulocchanaar</i>	190, 200, 210, 300
66	<i>Umparkaaddu Ilangkannanaar</i>	264
67	<i>Uraiyoor Marutuvan Taamotaranaar</i>	133, 257
68	<i>Uraiyoor Mutukottanaar</i>	137
69	<i>Uvar Kannoora Pullang Keeranaar</i>	146
70	<i>Vadama Vannakkan Perisaattanaar</i>	214, 242, 268
71	<i>Vempadroor Kumaranaar</i>	157
72	<i>Ven Kannanaar</i>	130
73	<i>Vidroodru Mooteyinanaar</i>	136, 288
74	<i>Virai Veliyan Tittanaar</i>	188
75	<i>Yelu Uppandri Naagan Kumaranaar</i>	138, 240
76	<i>Yeyinantai Maganaar Ilangkeeranaar</i>	225, 239, 289, 299
77	<i>*Tidak dikenali nama pujangga</i>	165

**Rajah 1.10: Senarai Pujangga Antologi Akananuru**

***Bahagian : Nittila Kovai***

<b>Bil.</b>	<b>Nama Pujangga</b>	<b>No. Puisi</b>
1	<i>Ammoovanaar</i>	370, 390
2	<i>Anjiyattai Magal Naagaiyaar</i>	356
3	<i>Atiyan Vinnattanaar</i>	301
4	<i>Avoor Moolangkilaar</i>	341
5	<i>Avvaiyaar</i>	303
6	<i>Idaikkaadanaar</i>	304
7	<i>Idayan Sentang Koddranaar</i>	375
8	<i>Immen Keeranaar</i>	393
9	<i>Kaavaddanaar</i>	378
10	<i>Kaavan Mullai Pootanaar</i>	391
11	<i>Kabilar</i>	318, 332, 382
12	<i>Kallaadanaar</i>	333
13	<i>Karuvoor Kanttappillai Saattanaar</i>	309
14	<i>Kayamanaar</i>	321, 383, 397
15	<i>Kudavaayirkeerattanaar</i>	315, 345, 366, 385
16	<i>Maamoolanaar</i>	311,325, 331, 347, 349,393
17	<i>Maarokkattu Kaamakkani Nappadalaattanaar</i>	377
18	<i>Madurai Alakkar Yaalaar Maganaar Ammallanaar</i>	315, 345, 353
19	<i>Madurai Aruvai Vaanigan Ilaveddanaar</i>	302
20	<i>Madurai Eelattu Pootantevanaar</i>	307
21	<i>Madurai Ilampaalaasiriyen Sentan Koottanaar</i>	348
22	<i>Madurai Ilangkawsiganaar</i>	381
23	<i>Madurai Kanakkaayanaar</i>	338, 342
24	<i>Madurai Kannattanaar</i>	360
25	<i>Madurai Koolavaanigan Seettalai Saattanaar</i>	306, 320
26	<i>Madurai Koottanaar</i>	334
27	<i>Madurai Maruthan Ilanaaganaar</i>	312, 343, 358, 365, 368, 380, 387
28	<i>Madurai Maruthangkilaar Maganaar Perungkannanaar</i>	364
29	<i>Madurai Pandavaanigan Ilantevanaar</i>	328
30	<i>Madurai Ponsel Kollan Vennaaganaar</i>	363
31	<i>Madurai Tamil Koottan Kaduvan Mallanaar</i>	354
32	<i>Madurai Tantang Kannanaar</i>	335
33	<i>Marungkoorppaagai Saattan Pootanaar</i>	327
34	<i>Mhosikeeranaar</i>	392
35	<i>Nakkeeranaar</i>	310, 340, 346, 369, 389
36	<i>Nanbaloor Sirumetaaviyaar</i>	394
37	<i>Naraimudi Neddaiyaar</i>	339
38	<i>Orampogiyaar</i>	316
39	<i>Okkoor Maasaattiyaar</i>	324, 384
40	<i>Ooddiyaar</i>	388
41	<i>Paalai Paadiya Perungkadungoh</i>	313, 337, 379
42	<i>Paandiyen Yenaati Nedungkannanaar</i>	373
43	<i>Paavai Koddilaar</i>	336
44	<i>Paranar</i>	322, 326, 356, 367 372, 386, 396
45	<i>Pisiraantaiyaar</i>	308

**Rajah 1.10, Sambungan**

<b>Bil.</b>	<b>Nama Pujangga</b>	<b>No. Sajak</b>
46	<i>Poruntil Ilangkeeranaar</i>	351
47	<i>Puranaaddu Perung Kodranaar</i>	323
48	<i>Sentang Kannanaar</i>	350
49	<i>Taayang Kannanaar</i>	319, 357
50	<i>Tanggaal Mudakkodranaar</i>	355
51	<i>Ulocchanaar</i>	330, 400
52	<i>Uraiyoor Mutukoottanaar</i>	329
53	<i>Vadama Vannakkan Perisaattanaar</i>	306
54	<i>Vadamotang Kilaar</i>	317
55	<i>Velli Veetiyaaar</i>	362
56	<i>Yeyinantai Maganaar Ilangkeeranaar</i>	361, 371, 395, 399

(Sumber: Antologi *Akananuru*)

Di samping itu, terdapat 39 orang pujangga yang menyumbangkan puisi dalam beberapa bahagian iaitu, lebih dari satu bahagian : *Kalirriyanai nirai*, *Manimidai pavalam* dan *Nittila kovai*. Perinciannya adalah seperti berikut:

**Rajah 1.11: Sumbangan Pujangga Dalam Pelbagai Bahagian**

Bil.	Nama Pujangga	Bahagian dan Nombor Puisi		
		<i>Kalidruyaanai Nirai</i>	<i>Manimidai Pavalam</i>	<i>Nittila Kovai</i>
1	<i>Aalamperi Saattanaar</i>	47, 81	143, 175	-
2	<i>Aavor Moongkilaar</i>	24	156	341
3	<i>Ammoovanaar</i>	10, 35	140, 280	370, 390
4	<i>Avvaiyaar</i>	11	147, 273	303
5	<i>Eelattu Pootan Tevanaar</i>	88	231	-
6	<i>Idaikkaadanaar</i>	-	139, 174, 194, 284	304
7	<i>Kavan Mullai Pootanaar</i>	-	151, 241, 293	391
8	<i>Kabilar</i>	2, 12, 18, 42, 82, 118	128, 158, 182, 203, 218, 238, 248, 278, 392	318, 332, 382
9	<i>Kallaadanaar</i>	9, 83, 113	171, 199, 209	333
10	<i>Kayamanaar</i>	7, 17	145, 189, 195, 219 221, 259, 275	321, 383, 397
11	<i>Kudavaayir Keerattanaar</i>	44, 60, 79, 119	-	315, 345, 366, 385
12	<i>Maamoolanaar</i>	1, 5, 13, 55, 61, 65 91, 97, 101, 115	127, 187, 197, 201, 211, 233, 251 265, 281, 295	311, 325, 331, 347, 349, 393
13	<i>Madurai Alakkar Yaalaar Maganaar Mallanaar</i>	33	144, 174, 244	-
14	<i>Madurai Aruvai Vaanigan Ilaveddanaar</i>	56	124, 230 254, 272	302
15	<i>Madurai Ilampaalaasiriyan Shentan Koottanaar</i>	102	-	348
16	<i>Madurai Kanakkaayanaar</i>	27	-	338, 342
17	<i>Madurai Koolavaanigan Seettalai Saattanaar</i>	-	134, 229	306, 320

**Rajah 1.11, Sambungan**

Bil.	Nama Pujangga	Bahagian dan Nombor Puisi		
		<i>Kalidruyaanai Nirai</i>	<i>Manimidai Pavalam</i>	<i>Nittila Kovai</i>
18	<i>Madurai Marutangkilaar Maganaar Perungkannanaar</i>	-	247	364
19	<i>Madurai Maruthan Ilanaaganaar</i>	34, 59, 77, 90, 104	121, 131, 184, 193, 206, 220, 245, 255, 269, 283, 297	312, 343, 358, 365, 368, 380, 387
20	<i>Marutham Paadiya Ilangkadungoh</i>	96	176	-
21	<i>Madurai Pandavaanigan Ilantevanaar</i>	58	298	328
22	<i>Madurai Peraalavaayar</i>	87	296	-
23	<i>Madurai Tamil Koottan Kaduvan Mallanaar</i>	70	256	354
24	<i>Marutham Paadiya Ilangkadungoh</i>	96	176	-
25	<i>Nakkeeranaar</i>	6,17,78,91, 110	-	310, 340, 346, 369, 389
26	<i>Nanbaloor Sirumetaaviyaar</i>	94	-	394
27	<i>Ooddiyaar</i>	68	-	388
28	<i>Paalai Paadiya Perungkadungoh</i>	5, 99, 111	155, 185, 223, 251, 267, 291	313, 337, 379
29	<i>Paanar</i>	-	122,125,135,142, 148, 152, 162,178 181, 196, 198, 208, 212, 222, 226, 236, 246, 258, 262, 266, 276	322, 326, 356, 367, 372, 386, 396
30	<i>Poruntil Ilangkeeranaar</i>	39	-	351
31	<i>Saagalaasanaar</i>	16	270	-
32	<i>Taayangkannanaar</i>	105	132, 159, 213, 237	319, 357

**Rajah 1.11, Sambungan**

Bil.	Nama Pujangga	Bahagian dan Nombor Puisi		
		<i>Kalidruyaanai Nirai</i>	<i>Manimidai Pavalam</i>	<i>Nittila Kovai</i>
33	<i>Tangaal Mudaikkodranaar</i>	48, 108	-	355
34	<i>Ulocchanaar</i>	20, 100	190, 200, 210, 300	330, 400
35	<i>Uraiyoor Mutukoottanaar</i>	-	137	329
36	<i>Vadama Vannakkan Perisaattanaar</i>	-	214, 242, 268	306
37	<i>Velli Veetiyar</i>	45	-	362
38	<i>Vidroodru Mooteyinanaar</i>	37	136, 288	-
39	<i>Yeyinantai Maganaar Ilangkeeranaar</i>	3	225, 239, 289, 299,165	361, 371, 395, 399

(Sumber: Antologi *Akananuru*)

Antara kesemua pujangga ini, *Paranar* merupakan pujangga yang menyumbangkan bilangan puisi yang terbanyak dalam antologi *Akananuru*. *Paranar* menyumbangkan sebanyak 21 buah puisi dalam antologi *Akananuru*.

Puisi-puisi dalam antologi *Akananuru* memaparkan corak kehidupan masyarakat Tamil zaman *cangam* berdasarkan tempat tinggalnya (*ecological zones*). Oleh yang demikian, para pujangga menghasilkan karyanya berdasarkan tempat tinggal mereka (*Kurinchi* - kawasan bukit, *Mullai* - kawasan hutan, *Marutham* - kawasan pertanian, *Neytal* - laut dan persisiran pantai dan *Paalai* - kawasan kering kontang).

**Rajah 1.12: Pembahagian Sajak Antologi *Akananuru* Mengikut *Thinai***

<b>Bil</b>	<b><i>Thinai</i></b>	<b>Bilangan Puisi</b>
1	<i>Kurinchi</i> - kawasan bukit	81
2	<i>Mullai</i> - kawasan hutan	39
3	<i>Marutham</i> - kawasan pertanian	40
4	<i>Neytal</i> - laut dan pantai	40
5	<i>Palai</i> - kawasan kering kontang	200
<b>Jumlah Puisi</b>		<b>400</b>

(Sumber : Antologi *Akananuru*)

Watak-watak yang dipaparkan oleh para pujangga antologi *Akananuru* adalah sinonim dengan watak-watak sebenar dalam kehidupan seharian masyarakat Tamil zaman *cangam*. Watak yang ditampilkan selalunya dikaitkan dengan nilai-nilai kemanusiaan dan nilai-nilai moral serta memiliki prinsip hidup yang kukuh. Kesemua ciri ini dibentangkan melalui perlakuan watak tersebut. Gambaran tentang amalan-amalan harian digunakan untuk menjelaskan perwatakan sesuatu watak. Antologi *Akananuru* merupakan koleksi yang paling ketara memaparkan amalan-amalan kebudayaan dan corak kehidupan masyarakat Tamil zaman *cangam* melalui pelbagai watak dan perwatakan.

**Rajah 1.13: Watak-watak Dalam Antologi Akananuru**

Bil.	Watak	
	Istilah Bahasa Tamil	Istilah Bahasa Melayu
1	<i>Talaivan</i>	Wira
2	<i>Talaivi</i>	Wirawati
3	<i>Taai</i>	Ibu
4	<i>Sevili taai</i>	Ibu angkat
5	<i>Tolan, Paangan</i>	Teman kepada wira
6	<i>Toli</i>	Teman kepada wirawati
7	<i>Paanan</i>	Pemain muzik
8	<i>Virali, Viraliyar</i>	Penari
9	<i>Kaattuvici</i>	Penyanyi atau ahli nujum
10	<i>Parattai</i>	Gundik

(Sumber: Antologi *Akananuru*)

Keseluruhan antologi *Akananuru* digerakkan oleh dua watak utama iaitu wira (*talaivan*) dan wirawati (*talaivi*) yang merupakan pasangan kekasih. Di samping itu, watak *tholan* dan *tholi* yang merupakan teman pasangan kekasih turut memainkan peranan penting dalam puisi-puisi antologi *Akananuru*. Manakala, watak *taai* iaitu ibu seringkali dibincangkan dalam puisi-puisi *udanpokku* (beredar ke tempat lain bersama dengan kekasih). Perlakuan watak-watak ini mengambil tempat utama dalam antologi *Akananuru*.

Watak-watak yang lain memainkan peranan sampingan bagi memperkukuhkan aliran peristiwa. Para pujangga menghuraikan amalan kebudayaan, amalan harian seperti pemakanan, pemakaian, perhiasan diri, pekerjaan, pengangkutan dan permainan dibincangkan dalam antologi ini. Perasaan kemanusiaan dan kasih sayang masyarakat Tamil zaman *cangam* melalui perlakuan-perlakuan watak-watak turut dipaparkan. Kesemua



elemen ini digambarkan secara menarik dengan menggunakan bahasa dan kreativiti yang indah.

Alam sekitar sememangnya menjadi latar utama bagi kehidupan manusia dan haiwan. Oleh yang demikian, elemen alam dijadikan sebagai teman setia kepada manusia dalam mengendalikan kehidupan harian. Makanan, pakaian dan tempat tinggal manusia diperoleh daripada alam semula jadi. Alam semula jadi memainkan peranan sebagai sumber hidup bagi segala kehidupan di dunia ini. Oleh itu, bakti dan jasa yang dicurahkan oleh alam semula jadi disanjung dan dihormati. Para pujangga antologi *Akananuru* membincangkan pelbagai maklumat tentang alam semula jadi.

#### **1.4 Pernyataan Masalah**

Masyarakat Tamil zaman kini sedang menghadapi krisis budaya dan tradisi. Krisis budaya dan tradisi ini dapat dikenalpasti dalam dua bentuk; iaitu perlakuan dan kegiatan golongan generasi muda zaman kini. Kebanyakan aktiviti dan tindakan mereka tidak menepati disiplin hidup. Secara umumnya mereka kurang menghayati budaya dan amalan tradisi kaum. Maka, wujud pertembungan antara emosi dan akal serta mereka amat terikut dengan kehendak emosi yang akhirnya terjerumus ke dalam lembah kehinaan.

Pelbagai insiden berkaitan perbuatan dan tingkahlaku negatif wujud pada masa kini tanpa mengira masa dan tempat. Media massa (media cetak dan media elektronik) seringkali melaporkan insiden-insiden negatif yang berlaku sepanjang masa. Setiap hari terpapar pelbagai berita yang berkaitan insiden-insiden negatif di dadah suratkhobar.

Kerajaan dan badan-badan sukarelawan (NGO) sering mendebatkan serta membincangkan masalah-masalah sosial yang wujud dalam kalangan generasi muda. Pada hakikatnya, kebanyakan masalah sosial yang wujud dalam kalangan masyarakat adalah disebabkan oleh kekurangan kesedaran terhadap nilai-nilai murni. Pengenalan dan penghayatan terhadap budaya dan tradisi nenek-moyangnya adalah amat kurang. Mereka, tidak mengenali corak hidup yang diamalkan oleh nenek-moyangnya, sebaliknya kehidupan mereka mengikut deras permodenan yang tidak menentu arah.

Maka, pemahaman dan penghayatan terhadap budaya, tradisi dan corak kehidupan nenek-moyang perlu diperluaskan. Kajian terhadap antologi *Akananuru* ini membentangkan pelbagai maklumat tentang budaya dan corak kehidupan masyarakat Tamil zaman *cangam*. Nilai-nilai murni yang diamalkan oleh nenek moyangnya dapat dihayati dan dianuti. Keseluruhan kajian ini akan mendedahkan kepentingan dan keperluan mengamalkan nilai-nilai murni dalam hidup manusia.

### **1.5 Kajian-kajian Lepas**

Banyak faktor yang mempengaruhi corak kehidupan sesuatu masyarakat. Bangsa, bahasa, budaya dan amalan harian merupakan inti utama dalam pembentukan corak kehidupan sesuatu masyarakat. Bahagian ini meninjau kajian-kajian lepas yang pernah dikaji oleh para pengkaji kesusasteraan klasik Tamil. Kebanyakan kajian ini adalah berdasarkan pada karya-karya kesusasteraan klasik Tamil dengan memberikan tumpuan kepada bangsa, bahasa, budaya dan corak kehidupan masyarakat Tamil zaman *cangam*. Walaubagaimanapun, kajian secara keseluruhan tentang amalan kebudayaan masyarakat Tamil yang terdapat dalam antologi *Akananuru* belum dilakukan. Perincian tentang hasil kajian pengkaji kesusasteraan Tamil zaman *cangam* adalah seperti berikut:

Perhubungan antara tumbuhan dan haiwan wujud sejak zaman dahulu. Ia merupakan suatu urutan yang menghasilkan pelbagai implikasi positif. Karya-karya kesusasteraan Tamil klasik sering membincangkan hal ini. Antologi *Akananuru* menonjolkan hal ini secara luas: hasil nukilan Arulselvan,R (2000). *A Study Of Flora and Fauna Metaphor In Akananuru*, University Of Malaya, Kuala Lumpur. membincangkan pelbagai maklumat tentang corak kehidupan masyarakat Tamil zaman *cangam* yang dipengaruhi oleh alam flora dan fauna.

Kebanyakan karya kesusasteraan Tamil klasik membincangkan ragam dan corak kehidupan masyarakat Tamil. Corak kehidupan masyarakat Tamil zaman *cangam* dalam antologi *Aingkurunuru* dibentangkan oleh Arunasalam.S (2007). *Penggambaran Masyarakat Tamil Dalam Teks Aingkurunuru*, Universiti of Malaya, Kuala Lumpur. Perincian tentang unsur-unsur budaya dan amalan harian yang terdapat dalam kalangan masyarakat Tamil zaman *cangam* dibincangkan dalam buku ini.

Arunasalam.Pa (1998). *Cangga Ilakkiya Porudkalanaiam -Thoguti (3)*, Thanjavore, Tamil Palgalaikalagam, South India, membincangkan unsur-unsur budaya dan amalan harian yang dianuti oleh masyarakat Tamil zaman *cangam*. Pelbagai maklumat tentang perayaan-perayaan dan amalan keagamaan yang dianuti oleh mereka dipaparkan dalam buku ini. Pengarang menggunakan karya-karya kesusasteraan Tamil klasik dalam kajian ini.

Kajian tentang kekayaan bahasa dan perbendaharaan kata yang terdapat dalam karya-karya kesusasteraan Tamil klasik dikaji oleh Elangkumaran.Era (1996). *Tamil Valam: Chol*. Thiruchi Patipahgam, South India. Buku ini membentangkan koleksi perbendaharaan kata yang terdapat dalam karya-karya kesusasteraan Tamil klasik. Beliau juga turut memberikan maksud yang tersurat dan tersirat dalam perbendaharaan kata klasik.

Perkembangan bahasa dan karya-karya sastra merupakan tunjang pembinaan budaya dan tradisi sesuatu masyarakat. Sejarah perkembangan bahasa dan kesusasteraan Tamil klasik dibincangkan oleh Erasamanikkanar.Ma (1963). *Tamil Moli: Ilakkiya Varalaaru Cangakaalam*. Paari Nilaiyam, Chennai, South India. Beliau juga membentangkan beberapa maklumat tentang politik dan corak pemerintahan negara Tamil pada zaman *cangam* dalam bukunya *Tamilaga Aadchi* (2009). Chennai Publication, Chennai, South India.

Govindasami.Mu mengkaji keistimewaan bahasa Tamil dan kekayaan budaya masyarakat Tamil dalam bukunya berjudul *Parimelalagar: Varalaaru,Urai Pattriya Aaraichi Nool*. (1978). Annamalai Palgalaikalagam, Chennai, South India. Sejarah dan perkembangan kesusasteraan Tamil zaman *cangam* dipaparkan dalam buku ini. Beliau menyatakan bahawa sejarah dan perkembangan kesusasteraan Tamil mempunyai signifikansi yang penting.

Ilakkuvanaar.Ci (2002). *Ilakkiyam Koorum Tamilar Vaalviyal (Canga Kaalam)*. Ilakkuvanaar Ilakkiya Inaiyam, Chennai, South India memaparkan unsur-unsur kebudayaan dan tradisi masyarakat Tamil pada zaman *cangam*. Buku ini membincangkan pengaruh dan penganutan budaya dalam kehidupan seharian masyarakat Tamil zaman *cangam*. Keseluruhan hidup masyarakat Tamil klasik adalah merangkumi pelbagai amalan budaya dan tradisi.

Kajian tentang perubahan-perubahan yang berlaku dalam budaya dan tradisi masyarakat Tamil dibincangkan oleh *Ilancheran.Kovai* (1978) *Tadam Puranda Tamil Marabugal*. Nagapattinam Publication, South India. Buku ini juga membentangkan implikasi kepada masyarakat Tamil disebabkan oleh perubahan yang berlaku dalam budaya dan tradisi. Masyarakat Tamil zaman kini menghadapi era perkacukan dalam amalan budaya dan tradisi hidup.

Hasil nukilan Iraikkuruvanaar Thirukkuralmani (2002). *Tamilaaram*. Kodampaakkam, Chennai, South India merupakan kajian ilmiah tentang kekayaan bahasa dan budaya masyarakat Tamil zaman *cangam*. Kebanyakan perkataan yang digunakan oleh masyarakat Tamil zaman *cangam* tidak digunakan oleh masyarakat zaman kini. Berlaku pengabaian terhadap kekayaan bahasa yang dimiliki oleh mereka. Di samping itu, bahasa dan budaya masyarakat Tamil zaman *cangam* amat mementingkan nilai-nilai kemanusiaan.

Iratina Vengadesan (2005), dalam bukunya berjudul *Tamilar Marapu Samayam*. Putucheri, Novino Offset Printing, South India membincangkan pelbagai amalan keagamaan masyarakat Tamil zaman *cangam*. Reka bentuk kuil, perayaan, disiplin keagamaan dibincangkan dalam buku ini. Menurut beliau masyarakat Tamil zaman *cangam* amat mementingkan unsur kepercayaan terhadap Tuhan dan amalan-amalan keagamaan.

Perdagangan dalam dan luar negara merupakan amalan penting bagi masyarakat Tamil zaman *cangam*. Masyarakat Tamil zaman *cangam* giat menceburi dalam bidang perdagangan. Kanakalatha Mukund (1999) membincangkan hakikat ini dalam bukunya *The Trading World of The Tamil Merchant: Evolution of Merchant Capitalism In The Coromandel*. Orient Longman Limited, Chennai, South India.

Kajian tentang kewujudan negara Tamil dari perspektif sejarah telah dihasilkan oleh Kantaiyah Pillai.Na.C (1962) dalam bukunya *Tamilagam*. Thirunelveli Tennintiya Saiva Siddhanta Nool Patippukalagam, Chennai, South India. Kajian ini membuktikan kewujudan alam Tamil di dunia ini.

Puliyoor Khesigan (1999) dalam bukunya *Akananuru Telivurai*. Paari Nilaiyam, Chennai, South India, menghuraikan pengenalan dan penjelasan tentang puisi-puisi antologi *Akananuru*. Maksud tersurat dan tersirat yang terdapat dalam puisi-puisi *Akananuru* dibincangkan.

Disamping itu beliau juga menghasilkan buku berjudul *Purananuru: Muluvathum*. Paari Nilaiyam, Chennai, South India yang memberikan penjelasan kepada puisi-puisi antologi *Purananuru*. Kekayaan dan kepentingan bahasa dan budaya masyarakat Tamil dikaji berdasarkan puisi-puisi *Tholkaappiyam*. Hasil nukilan beliau yang berjudul *Tholkaappiyam: Muluvatum* (2001). Paari Nilaiyam, Chennai, South India, membincangkan hal ini.

Perhubungan antara manusia, haiwan dan tumbuhan yang digambarkan dalam kesusasteraan Tamil klasik turut dibincangkan oleh Kumaran.S (2003), dalam bukunya *The Treatment of nature in Kuruntokai: Tamil Classical Literature*. University Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Beliau menyatakan bahawa perhubungan antara manusia, alam flora dan alam fauna mencorakkan hidup manusia.

Logitaasanaar.Thangavayal (1998). *Pandaiya Tamilar Varalaaru*. Nandam, Chennai, South India memberikan perincian dan penjelasan tentang sejarah awal masyarakat Tamil. Masyarakat Tamil memiliki sejarah penempatan yang lama di India.

Perincian maksud kesusasteraan Tamil klasik melalui antologi *Aingkurunuru* dilakukan oleh Maanikkanaar.A (2001). *Canga Ilakkiyam: Aingkurunuru - Moolamum Uraiyum*. Adaiyaar Publication, Chennai, South India. Pengenalan dan penjelasan tentang puisi-puisi antologi *Aingkurunuru* dipaparkan dalam buku ini. Buku ini membincangkan corak hidup yang masyarakat Tamil zaman *cangam*.

Pencapaian dalam bidang sains menjadi asas kepada pencapaian masa kini. Ilmu, maklumat dan penemuan yang diperoleh daripada sains melambangkan kewibawaan sesuatu golongan manusia. Maatalai Somu (2005), dalam bukunya *Viyakka Vaikkum Tamilar Ariviyal*. Uthagam, Thiruchi, South India membongkarkan pelbagai maklumat tentang penemuan dan

pencapaian oleh masyarakat Tamil dalam bidang sains. Menurut kajian ini, keseluruhan hidup masyarakat Tamil terdiri daripada unsur-unsur sains.

Perkahwinan merupakan hubungan yang amat unik antara dua insan. Ramai pasangan suami dan isteri mengambil kira banyak faktor untuk mengekalkan sebuah rumah tangga terutama sekali apabila memikirkan kesejahteraan mental dan emosi anak-anak. Tatacara dan pelaksanaan upacara perkahwinan dalam kalangan masyarakat Tamil dibentangkan oleh Manimekalai Puspahrasu (2004). *Konggu Velaalar Thirumana Sadanggugal*. Paari Munai Achagam, Chennai, South India. Buku ini membincangkan persiapan awal dan pelaksanaan majlis perkahwinan masyarakat Tamil zaman *cangam*.

Muthaiyah.P.L.Mullai (2006). *Tamilar Iniya Vaalvu*. Chennai Achagam, Chennai, South India, membincangkan kehidupan harmoni merupakan tunjang pembentukan budaya dan tradisi. Pembentukan dan pengukuhan nilai-nilai murni dalam sesuatu masyarakat hanya dapat dicapai dengan adanya budaya dan tradisi yang matang. Muthaiyah.P.L.Mullai melakukan kajian ini berdasarkan pada karya-karya kesusasteraan Tamil klasik.

Keistimewaan dan kepentingan bahasa Tamil klasik dibincangkan oleh Nakkeeran.A (2003). *Tholkaappiya Poongaavil Kalaigal*. South India Publication, Thanjavoor, South India. Unsur-unsur kesusasteraan dan tatabahasa sesuatu bahasa menjamin nilai dan kualiti bahasa berkenaan. Bahasa Tamil klasik mempunyai nilai estetika yang tinggi. Hasil nukilan Nakkeeran.A, membentangkan pelbagai maklumat tentang keistimewaan dan kepentingan kesusasteraan dan tatabahasa bahasa Tamil klasik.

Memahami dan menghayati sejarah dan keistimewaan karya-karya kesusasteraan Tamil zaman *cangam* merupakan asas untuk mengenali corak kehidupan masyarakat Tamil.

Kewibawaan masyarakat Tamil zaman *cangam* diperincikan oleh Pandaarinathan.Na.Ra (2006). *Tamilarin Mulumaiyana Varalaaru*. P.V.R. OFFSET, Chennai, South India. Kajian beliau membentangkan pelbagai maklumat tentang sejarah awal masyarakat Tamil.

Kepercayaan dan upacara penyembahan kepada Tuhan yang terdapat dalam karya-karya kesusasteraan Tamil klasik Tamil dikaji oleh Paramasivanandam.Aa.Mu (1967). *Tamil Naaddu Vilaakkal*. Tamilaga Pathippagam, Chennai, South India. Pelbagai perayaan yang terdapat dalam kalangan masyarakat Tamil zaman *cangam* diperincikan dalam buku ini. Menurut beliau kebanyakan perayaan zaman *cangam* tidak diamalkan pada masa kini.

Pichai.Aa (2002). *Tamilar Panpaaddil Vilayyaaddugal*. T.Nagar Publication, Chennai, South India, membincangkan pelbagai permainan dan aktiviti kesenian yang diamalkan oleh masyarakat Tamil zaman *cangam*. Buku ini juga membincangkan maklumat tentang golongan pemain dan golongan yang terlibat dalam aktiviti kesenian.

Sejarah kehidupan awal masyarakat Tamil zaman *cangam* dikaji oleh Pulavar Kulantai (1968) *Tholkaappiya Kaala Tamilar*. Paari Nilaiyam, Chennai, South India. Beliau menjelaskan kematangan dan keutuhan amalan harian masyarakat Tamil zaman *cangam*.

Corak kehidupan masyarakat Tamil pada zaman *cangam* turut dibincangkan oleh Saminaatha Iyar.Vu.Vhe (1989) *Kuruntogai*. Chennai, South India. Kajian ini menerapkan unsur-unsur keagamaan yang diamalkan oleh masyarakat Tamil zaman *cangam*. Amalan keagamaan, perayaan dan kepercayaan yang dianuti oleh mereka dipaparkan dalam buku ini.



Saralah Erasagopalan (2002). *Canga Ilakkiyam:Kadduraigal*. Chennai, South India, menerapkan pelbagai maklumat tentang amalan harian masyarakat Tamil zaman *cangam*. Jenis-jenis makanan, pekerjaan, permainan dan hasil kesenian diterapkan dalam buku ini.

Kehidupan masyarakat Tamil dipengaruhi oleh *thinai* iaitu *Kurinchi, Mullai, Marutham, Neytal* dan *Paalai* (jenis tanah: pergunungan, hutan, tanah pertanian, persisiran pantai dan kawasan kering-kontang). Pembahagian tanah serta peranannya dalam kehidupan masyarakat Tamil zaman *cangam* diterapkan oleh Shitambaram Pillai.Sa (1995). *Kurunthogai*. Chennai, Kabiir Accukoodam, South India.

Shitambaram Pillai.Sa merupakan salah seorang pengkaji karya-karya kesusasteraan Tamil klasik. Beliau membincangkan amalan tradisi dan kebudayaan masyarakat Tamil zaman *cangam* dalam bukunya berjudul *Yeddotogaiyum Tamilar Panpaadum* (1957), Chennai, Thiruvallikkeni, South India. Beliau juga turut membincangkan pelbagai amalan kebudayaan masyarakat Tamil dalam buku *Pattuppaddu Moolamum Naccinaarkiniyar Uraiyum* (1986), Tamil Palgalai Kalagam, Tanjavur, South India. Di samping itu beliau juga menerapkan pelbagai maklumat tentang corak kehidupan masyarakat Tamil zaman *cangam* di kawasan *thinai* dalam buku *Aingkurunurin Marutha Paadalgal* (1999), Chennai Printres, South India

Karya berjudul *Silappatigaaram* merupakan khazanah kebudayaan masyarakat Tamil. Pelbagai unsur kebudayaan masyarakat Tamil zaman klasik dapat dihayati melalui karya ini. Karya ini diungkapkan serta diperincikan dengan menggunakan bahasa moden oleh Srichandiran.Je melalui hasil nukilan yang berjudul *Ilangovadigal Aruliya Silappatigaaram:Moolamun Telivuraiyum*.(1991), Chennai: Varttamaanan Patipagam, South India.

Subramaniam.Ci memperincikan sejarah perkembangan kesusasteraan Tamil klasik melalui bukunya berjudul *Tamil Ilakiya Varalaaru*. (2001). Chennai: Manamalar Patipagam, South India. Sejarah perkembangan kesusasteraan Tamil klasik diperincikan secara luas dalam buku ini. Bahasa dan karya-karya kesusasteraan memainkan peranan penting dalam perkembangan sesuatu kaum.

Kehidupan manusia diperkayakan oleh pelbagai amalan harian. Amalan-amalan harian ini mencorakkan kehidupan sesuatu masyarakat. Manusia menghayati dan menganuti amalan-amalan harian demi membina kehidupan yang harmoni dan ceria. Sundara Sanmuganaar (1972). *Thai Thinggal*. Putuvai, South India, memperincikan sambutan pelbagai perayaan oleh masyarakat Tamil klasik. Beliau turut membincangkan perayaan *Ponggal* secara luas.

Kehidupan manusia merangkumi pelbagai bidang. Di antaranya adalah bidang sastera dan sains. Masyarakat Tamil klasik memiliki kemahiran luas dalam bidang sains. Mereka berjaya menghasilkan pelbagai penemuan sains. Hal ini dipaparkan oleh Tamaiyantiran.Vhe (1992). *Pandaiya Tamilarin Ariviyal Saatanaigal*. Chennai Publication, South India. Buku ini membincangkan pencapaian mereka dalam bidang sains.

Perlakuan seperti perayaan, perkahwinan dan makanan merupakan inti utama dalam kebudayaan sesuatu masyarakat. Upacara dan aturcara perkahwinan masyarakat Tamil dilakukan secara teliti. Majlis perkahwinan disusun atur dengan kemas. Thevaneya Paavaanar.Nya (1997) dalam bukunya berjudul, *Tamilar Thirumanam*. Thiruchi : Alloore Achagam, South India memperincikan unsur-unsur kebudayaan masyarakat Tamil zaman *cangam*. Kajian ini adalah berdasarkan pada aturcara pelaksanaan perkahwinan masyarakat Tamil.

*Thali* memainkan peranan penting dalam budaya masyarakat Tamil. Amalan mengikat *thali* dalam upacara perkahwinan merupakan unsur kebudayaan yang penting bagi masyarakat Tamil. Sejarah amalan mengikat *thali* dalam upacara perkahwinan masyarakat Tamil dikaji oleh Thirumalaanar.Aa.Pu (1990). *Tamilar Vaalvaratill Thali*. Perak, Malaysia

Unsur-unsur kebudayaan seperti pemakanan, permainan dan kesenian masyarakat Tamil klasik turut dibincangkan oleh Thirunavukkarasu.Ka.Ta dalam bukunya berjudul *Tamil Panpaadu*.(2001), Chennai: International Institute of Tamil Studies, South India. Aktiviti harian yang diamalkan oleh mereka turut dibincangkan secara luas dan mendalam.

*Thirukkural* merupakan salah satu karya terunggul yang membincangkan penganutan dan penghayatan hidup manusia. Maklumat dan pengertian karya ini hanya dapat difahami melalui panduan dan penerangan yang sesuai. Varatarasan.Mu membincangkan kandungan dan maksud puisi *Thirukkural* dalam bukunya *Thirukkural Telivurai* (2000). Chennai: The South India Saiva Siddhanda Works, Thirunelveli, South India. Beliau juga turut membincangkan keistimewaan dan keperluan bahasa Tamil dalam bukunya berjudul *Kaalantorum Tamil*. (1985), Chennai: Paari Niyam, South India.

Vasanthi.S membicarakan sejarah dan perkembangan budaya masyarakat Tamil zaman klasik melalui kajian lokasi. Bukunya yang berjudul *Tamilaga Agalaaivil Saatanaigal* (1999). Chennai: Iraayapeddai, South India, membongkarkan pelbagai maklumat tentang amalan kebudayaan yang dianuti oleh masyarakat Tamil.

Perniagaan merupakan inti utama dalam pencarian pendapatan manusia. Ia menjadi suatu amalan harian bagi masyarakat Tamil klasik. Mereka mengamalkan aktiviti perniagaan dalam negeri dan luar negeri secara giat. Aktiviti perniagaan yang diamalkan oleh mereka

dibincangkan oleh Vengadasamy.Seeni.Mayilai dalam bukunya *Palangaala Tamilar Vaanigam* (1974). Chennai, South India.

Maksud puisi-puisi antologi *Akananuru* bahagian *Kalidruyaanai Niirai* dibicarakan oleh tiga orang pengkaji sastera Tamil klasik. Vengadasamy Naadaar.Na.Mu, Karanthai Kaviarasu dan Vengadaasalam Pillai.Ira menghasilkan artikel ilmiah berkenaan tajuk ini. Artikel-artikel ilmiah ini dibukukan dan dijudulkan *Akananuru Kalidruyaanai Niirai* (1957). The South India Saiva Siddhanta Works Publishing Society, Tirunelveli, South India.

## **1.6 Objektif Kajian**

Berdasarkan kepada pernyataan masalah di atas, pengkaji berhasrat untuk membentangkan kepentingan dan keperluan nilai-nilai murni dalam kehidupan manusia. Masyarakat Tamil zaman *cangam* kaya dengan pelbagai amalan kebudayaan dan perlakuan harian yang menonjolkan nilai-nilai murni. Kajian ini memfokuskan amalan-amalan kebudayaan dan corak kehidupan masyarakat Tamil zaman *cangam* yang kaya dengan nilai-nilai murni. Objektif- objektif kajian ini adalah:

1. Mengenalpasti nilai-nilai murni yang terdapat dalam kebudayaan masyarakat Tamil zaman *cangam* berdasarkan kepada antologi *Akananuru*.
2. Mengkaji corak kehidupan masyarakat Tamil yang terdapat dalam antologi *Akananuru*.
3. Menganalisis nilai-nilai murni yang terdapat dalam kehidupan masyarakat Tamil zaman *cangam*.

## 1.7 Signifikasi Kajian

Pada dasarnya, masyarakat Tamil memiliki pelbagai jenis amalan budaya dalam kehidupan seharian. Amalan-amalan budaya ini berpotensi membentuk dan mendidik akhlak manusia. Walaubagaimanapun, masyarakat Tamil generasi kini kurang peka dan memahami amalan-amalan budaya yang mereka miliki. Mereka kurang menghayati keindahan serta keperluan budaya dan bahasa. Pemahaman dan penghayatan terhadap konsep budaya adalah tidak menepati tahap keperluannya, pada hakikatnya budaya meliputi keseluruhan hidup manusia. Di samping itu mereka juga kurang mengenali karya-karya kesusasteraan Tamil klasik khasnya antologi *Akananuru*. Wujud jurang perbezaan antara kehidupan seharian dan amalan budaya yang berteraskan nilai-nilai murni. Akhirnya, kekurangan-kekurangan ini menjadi punca pelbagai masalah sosial dalam kalangan masyarakat Tamil. Lanjutannya, ia menjadi masalah sosial masyarakat Malaysia.

Kajian ini memaparkan pelbagai maklumat yang luas dan mendalam tentang amalan budaya yang dianuti oleh nenek moyangnya. Unsur-unsur budaya dan tradisi ini diungkapkan dari amalan harian masyarakat Tamil zaman *cangam*. Kajian ini menyampaikan kepentingan penghayatan amalan-amalan budaya yang dianuti oleh masyarakat Tamil klasik ke pangkuan generasi muda zaman kini. Nilai-nilai murni yang terdapat dalam karya-karya kesusasteraan Tamil khasnya dalam antologi *Akananuru* dapat ditonjolkan kepada masyarakat Tamil zaman kini. Penghayatan ini akan menyedarkan mereka tentang keperluan amalan-amalan budaya dalam kehidupan seharian. Situasi ini akan memberikan laluan kepada mereka agar tidak mengamalkan perlakuan-perlakuan negatif. Masalah sosial yang disebabkan oleh pelbagai punca dapat dihalang ataupun dapat dikurangkan seterusnya kehidupan aman dapat diwujudkan.

## 1.8 Metodologi Kajian

Metodologi merupakan tatacara ataupun kaedah prosedur kerja yang digunakan untuk melakukan sesuatu perkara atau kajian. Metodologi ataupun kaedah memainkan peranan penting dalam proses melakukan sesuatu kajian ilmiah. Bagi menjayakan kajian ilmiah ini, kajian kualitatif digunakan. Kajian ini adalah tentang amalan-amalan kebudayaan dan corak kehidupan, perlakuan dan perasaan masyarakat Tamil zaman *cangam*. Kajian ini merupakan interpretasi sastera secara analitikal dengan menggunakan kajian kualitatif. Kajian berbentuk analitikal ini digunakan untuk menjelaskan amalan-amalan kebudayaan dan aktiviti harian masyarakat Tamil zaman *cangam*.

Kajian kualitatif ialah penyelidikan yang dilakukan berdasarkan latar semula jadi dan ia melibatkan pengumpulan maklumat serta data dari bahan tertulis berupa buku, jurnal, majalah dan juga suratkhbar. Pengumpulan maklumatnya adalah dalam bentuk perkataan dan gambar. Kajian kualitatif ini membantu pengkaji mengetahui dan menganalisis idea-idea, pendapat serta kritik para pengkaji sebelumnya tentang topik kajian. Hasil kajian ditulis secara induktif dengan memberikan fokus kepada makna yang dijelaskan dalam bahasa yang menarik. Kaedah ini memberatkan usaha untuk mencari dan memberikan keterangan serta pemerhatian bukan numerikal walaupun terdapat keterangan yang merujuk kepada statistik.

Kebanyakan kajian dalam bidang ini memberikan keterangan, interpretasi atau makna dalam sesuatu proses komunikasi. Kaedah ini juga lebih merupakan usaha untuk memberikan keterangan tentang sifat dan keadaan manusia dengan menggunakan pandangan umum tentang tindakan sosial. Justeru, penyelidikan kualitatif berusaha untuk memperoleh maklumat berkualiti dengan memberikan tumpuan terhadap keadaan sebenar.

Pada dasarnya, kajian kualitatif yang berdasarkan Kaedah Perpustakaan digunakan untuk pengumpulan maklumat. Bahan-bahan bacaan seperti buku, kajian ilmiah, artikel, majalah, jurnal, kertas pembentangan persidangan, terbitan tahunan, terbitan khas, risalah, kamus, ensiklopedia dan suratkhbar digunakan dengan sepenuhnya dalam kajian ini. Dokumen-dokumen dan bahan kajian yang dihasilkan oleh para sarjana yang berwibawa dalam bidang kesusasteraan Tamil klasik turut dirujuk untuk menjayakan kajian ini.

Maklumat-maklumat yang berkaitan dengan bidang kajian ini dikumpul dan dianalisis dengan teliti. Penelitian terperinci diutamakan bagi menjamin kualiti hasil kajian. Kajian ini terdiri daripada tiga bidang utama iaitu sejarah, amalan-amalan kebudayaan dan amalan-amalan harian masyarakat Tamil zaman *cangam*. Setiap bidang diperincikan dengan fakta-fakta dan bukti-bukti yang kukuh. Nilai-nilai murni yang terdapat dalam amalan budaya dan tradisi masyarakat Tamil ditonjolkan dengan jelas.

## **1.9 Skop Kajian**

Skop kajian ini berdasarkan antologi *Akananuru* dan tesisnya berjudul ‘Amalan Budaya Masyarakat Tamil Dalam Antologi *Akananuru*’. Kajian ini membincangkan amalan-amalan kebudayaan dan corak kehidupan masyarakat Tamil zaman *cangam* berdasarkan pada antologi *Akananuru*. Antologi *Akananuru* merupakan salah satu karya kesusasteraan Tamil klasik yang kaya dengan pelbagai maklumat tentang amalan kebudayaan dan corak kehidupan masyarakat Tamil zaman *cangam*. Antologi *Akananuru* dibahagikan kepada 3 bahagian utama, iaitu *Kalidriyaanai Nirai*, *Manimidai Pavalam* dan *Nittila Kovai*. Keseluruhan antologi *Akananuru* mengandungi 400 buah puisi serta kesemua puisi dikaji dengan teliti dalam kajian ini.

## 1.10 Teori Kajian

Teori merupakan andaian yang menerangkan tentang bagaimana dan kenapa sesuatu peristiwa berlaku di dunia ini. Kamus *Oxford Dictionary of Current English* mendefinisikan *theory* sebagai “*the general principles of an art or science and reasoned account offered to explain facts or events*” (*Oxford Dictionary of Current English, 1989: 654*). Selaras dengan penerangan ini, teori merupakan peringkat analisis yang terdiri dari sebab-menyebab sesuatu perkara berlaku. Pernyataan tentang mengapa dan bagaimana sesuatu fakta menjalin perhubungan antara satu sama lain merupakan asas teori.

Menurut para sosiologi, teori merupakan satu penerangan tentang bagaimana dan kenapa manusia berperilaku, berinteraksi dan menguruskan diri. Kajian yang bertajuk ‘Amalan Budaya Masyarakat Tamil Dalam Antologi *Akananuru*’ ini tiada teori tunggal yang boleh menjelaskan amalan budaya masyarakat Tamil. Maka, pengkaji menggunakan beberapa teori seperti Teori Budaya (*Cultural Theory*), Teori Tingkahlaku (*Behaviourism Theory*) dan *Teori Tholkaapiyar* bagi menjelaskan amalan budaya masyarakat Tamil.

### 1.10.1 Teori Budaya (*Cultural Theory*)

Teori Budaya merupakan salah satu teori yang menghubungkan keseluruhan kehidupan manusia. Perkataan ‘*budaya*’ berasal bahasa Sanskrit ‘*buddhayah*’ yang bermaksud budi atau kekal. Menurut Sanskrit Dictionary (McDonnell, 1954), maksud budaya merangkumi hasil baik, kemajuan, kemakmuran yang serba lengkap.

Koentjaraningrat pula mendefinisikan budaya sebagai suatu gagasan, tindakan dan hasil karya manusia dalam ruang kehidupan manusia (Koentjaraningrat, 1990:180). Ia merupakan suatu sistem pengetahuan yang diperoleh oleh manusia melalui proses pembelajaran,



pengalaman dan penghayatan. Pada hakikatnya budaya adalah proses kehidupan sehari-hari manusia yang merangkumi pemikiran, perbuatan, tindakan dan tingkah laku manusia.

Pada awalnya, konsep budaya ataupun kebudayaan diperkenalkan oleh Sir Edward Burnett Taylor pada tahun 1871. Beliau merupakan seorang antropologi Inggeris, mendefinisikan kebudayaan sebagai kompleks keseluruhan yang meliputi kehidupan manusia seperti pengetahuan, kepercayaan, kesenian, hukum, unsur-unsur moral dan perlakuan harian.

Teori Budaya merangkumi fahaman, kepercayaan, nilai dan ilmu yang dimiliki oleh sesuatu masyarakat. Teori ini menekankan keperluan dan kepentingan unsur-unsur kebudayaan yang terdapat dalam sesuatu masyarakat ataupun kaum. *Talcott Parsons* memperkenalkan teori yang menjelaskan hubungan antara kebudayaan, keperibadian dan struktur sosial. Beliau juga merupakan pemikir terawal yang menyebarkan fakta-fakta sosiologi budaya yang dipelopori oleh *Durkheim* dan *Weber*. Teori kebudayaan memandang kebudayaan sebagai suatu sistem adaptasi yang unggul.

Teori Budaya seringkali membincangkan perkaitan antara beberapa fenomena seperti ideologi, negara, kaum, masyarakat dan juga jantina. Teori Budaya telah diaplikasikan untuk melakukan pelbagai percubaan terhadap fahaman konsep budaya masyarakat manusia. Teori ini melihat masyarakat secara informal yang berdasarkan kepada nilai dan norma.

Teori Budaya ini digunakan untuk membentangkan unsur-unsur kebudayaan yang terdapat dalam kalangan masyarakat Tamil. Antologi *Akananuru* membincangkan pelbagai unsur kebudayaan yang diamati oleh mereka. Keperluan dan kepentingan unsur-unsur budaya diperincikan dengan menggunakan Teori Budaya.

### 1.10.2 Teori Tingkah Laku (*Behaviourism Theory*)

Teori Tingkah laku merupakan teori perkembangan perilaku yang dapat diukur dan diamati. Teori Tingkah laku dipelopori oleh *Gage* dan *Berliner*. Mereka menyatakan bahawa, setiap rangsangan menghasilkan tindak balas dan pembelajaran yang berlaku akibat daripada kedua-dua unsur ini iaitu, rangsangan dan tindak balas. Teori ini mengkaji tentang tingkah laku dan pemikiran sesuatu masyarakat. Sesuatu rangsangan yang berkaitan dengan rangsangan yang lain akan menghasilkan pembelajaran yang dikenali sebagai pelaziman. Situasi ini dapat dijelaskan dengan contoh yang berikut; dalam proses pembelajaran karya-karya kesusasteraan, pelajar dapat memahami dan menghayati karya-karya kesusasteraan disebabkan cara penyampaian pengajaran oleh guru. Pengajaran yang menarik dapat mewujudkan minat pelajar terhadap pelajaran berkenaan. Rangsangan pertama adalah karya-karya kesusasteraan yang kaya dengan pelbagai maklumat dan yang kedua adalah cara pengajaran guru yang menarik. Kedua-dua rangsangan ini adalah positif, maka tingkah laku dari pelajar juga berunsur positif.

*B.F.Skinner* mengutamakan Teori Budaya serta beliau berpendapat bahawa sesuatu masyarakat yang ideal dapat dicapai melalui keseluruhan tingkah laku ahli masyarakat berkenaan. Teori ini menekankan bahawa tingkah laku mempengaruhi pembentukan unsur-unsur kebudayaan sesuatu masyarakat. Setiap perlakuan individu menggambarkan budaya dan corak hidup masyarakat berkenaan. Maka, perlakuan dan budaya saling mempunyai perhubungan erat. Kajian ini, memfokuskan budaya, corak hidup dan nilai-nilai murni yang terdapat dalam budaya masyarakat Tamil zaman klasik. Memandangkan Teori Tingkah laku mengkaji perhubungan antara budaya dan perlakuan manusia, maka teori ini digunakan untuk mengkaji unsur-unsur kebudayaan dan corak kehidupan masyarakat Tamil zaman *cangam* yang tersurat dan tersirat dalam antologi *Akananuru*.

### 1.10.3 Teori *Tholkaapiyar*

*Teori Tholkaapiyar* dipelopori oleh *Tholkaapiyar* yang merupakan ahli cendekiawan terunggul dalam kalangan masyarakat Tamil. *Tholkaapiyar* membentangkan pelbagai maklumat tentang perkembangan bahasa (*bidang lingustik*), budaya dan corak hidup masyarakat Tamil dalam bukunya yang bertajuk *Tholkaapiyam* yang merupakan salah sebuah buku lingustik terawal. *Tholkaapiyam* merupakan karya tertua yang diperoleh dalam dunia kesusasteraan Tamil. *Tholkaapiyam* menjadi sumber rujukan utama bagi bahasa dan budaya masyarakat Tamil. Karya ini mempunyai tiga bahagian utama (*atikaaram*) iaitu, *Yelutatikaaram* (bidang tulisan), *Sollatikaaram* (bidang perbendaharaan kata) dan *Porulatikaaram* (bidang sosiobudaya). Bahagian yang ketiga iaitu *Porulatikaaram* membincangkan pelbagai maklumat tentang budaya dan corak kehidupan masyarakat Tamil. Puisi-puisi *Tholkaapiyam* dikenali sebagai *noorpa*.

*Tholkaapiyam* turut menekankan corak kehidupan masyarakat Tamil berdasarkan pembahagian kawasan (*ecological zones*). Masyarakat Tamil zaman *cangam* hidup secara kumpulan mengikut pembahagian kawasan yang dikenali sebagai *Mullai* (kawasan hutan), *Kurinchi* (kawasan bukit), *Marutham* (kawasan pertanian) dan *Neytal* (persisiran pantai). Kewujudan pembahagian kawasan dibuktikan melalui *noorpa* berikut:

மாயோன் மேய காடுறை உலகமும்  
சேயோன் மேய மைரை உலகமும்  
வேந்தன் மேய தீம்புனல் உலகமும்  
வருணன் மேய பெருமணல் உலகமும்  
முல்லை குறிஞ்சி மருதம் நெய்தலெனச்  
சொல்லிய முறையாற் சொல்லவும் படுமே

(*Tholkaapiyam, Agatinaiyiyal : 4*)

*maayon meya kaadurai ulakamum  
seyon meya maivarai ulakamum  
ventan meya teempunal ulakamum  
varunan meya perumanal ulakamum  
mullai kurinci marutam neytalena  
solliya murayaar sollavum padume*

- *kawasan Mullai dikawal oleh Maayon manakala, kawasan Mullai diketuai oleh Murugan kawasan pertanian, iaitu, Marutham dikawal oleh Dewa Indiran kawasan Neytal merupakan kawasan milik Varunan*

*Noorpaa* ini menyatakan bahawa Dewa *Maayon* merupakan ketua bagi masyarakat kawasan *Mullai* (*maayon meya kaadurai ulakamum*), masyarakat kawasan bukit pula patuh kepada Dewa *Murugan* (*seyon meya maivarai ulakamum*), masyarakat kawasan pertanian menyembah kepada Dewa *Indiran* (*ventan meya teempunal ulakamum*) dan masyarakat kawasan persisiran pantai iaitu *Neytal* menganuti Dewa *Varunan* (*varunan meya perumanal ulakamum*).

Disamping itu, *Teori Tholkaapiyar* juga menekankan corak kehidupan manusia yang berdasarkan unsur-unsur dalaman dan luaran. Karya-karya kesusasteraan yang membincangkan unsur-unsur dalaman ini dikenali sebagai karya-karya bercorak *agam*. Unsur-unsur luaran terdiri daripada perang, keberanian dan perlakuan fizikal. Karya-karya kesusasteraan yang membincangkan unsur-unsur luaran dikenali sebagai karya-karya *puram*.

*Teori Tholkaapiyar* merangkumi tatacara kehidupan manusia yang dibahagi kepada dua alam iaitu alam *kalavu* dan alam *karpu*. Alam *kalavu* merujuk alam percintaan iaitu sebelum perkahwinan dan alam *karpu* pula merujuk alam rumah tangga iaitu selepas perkahwinan. Alam *kalavu* merupakan salah satu elemen yang amat penting dalam kehidupan manusia serta alam ini menjamin pembentukan sesuatu masyarakat. Manusia yang berlainan jantina, lelaki dan perempuan tertarik sesamanya melalui perasaan kasih sayang. Perasaan kasih sayang diperkukuhkan secara mendalam melalui perlakuan-perlakuan yang menonjolkan perasaan ini.

Pasangan kekasih yang setia akan berkahwin dan mendirikan rumah tangga (*karpu*). Terdapat juga pasangan kekasih yang tidak dapat mencapai alam *karpu*, kerana perhubungan mereka tidak direstui oleh ahli keluarga dan saudara mara.

Pada hakikatnya, kedua-dua alam *kalavu* dan *karpu* merupakan elemen yang amat penting bagi masyarakat Tamil. Kehidupan manusia amat terikat dengan kedua-dua unsur ini. Amalan *kalavu* dan *karpu* menjadi salah satu disiplin budaya hidup masyarakat Tamil.

*Tholkaapiyar* membincangkan alam rumah tangga (*karpu*) seperti berikut:

கற்பெனப் படுவது கரணமொடு புணரக்  
கொளற்குரி மரபிற் கிழவன் கிழத்தியைக்  
கொடைக்குரி மரபினோர் கொடுப்பக் கொள்வதுவே

(*Tholkaapiyam, Porulatigaaram, Karpiyal: 1*)

*karpēna paduvatu kaaranamodu punara  
kolarguri marapir kilavan kilattiyai  
kodaikkuri marapinor koduppa kolvatuveh*

- '*karpu*' merujuk kepada alam percintaan wira dan wirawati bersama mendirikan rumah tangga

Menurut *noorpa* ini alam *karpu* ialah (*karpēna paduvatu*) penyatuan melalui perkahwinan. Wira dan wirawati (*marapir kilavan kilattiyai*) dibenarkan mendirikan rumah tangga selepas upacara perkahwinan. Pada hakikatnya, alam rumah tangga (*karpu*) menyatukan manusia yang berlainan jantina, iaitu, lelaki dan perempuan seterusnya membentuk masyarakat yang ideal. Alam *kalavu* ditukar bentuk sebagai alam *karpu* melalui perkahwinan.

Keseluruhan kajian ilmiah ini berdasarkan amalan budaya dan corak kehidupan masyarakat Tamil zaman *cangam*. Selaras dengan tajuk dan skop kajian, Teori Budaya (*Cultural Theory*), Teori Tingkah laku (*Behaviourism Theory*) dan Teori *Tholkaapiyar* digunakan untuk menerangkan kewujudan amalan-amalan kebudayaan dan corak kehidupan masyarakat Tamil.

## **1.11 Pembahagian Bab**

Kajian antologi *Akananuru* dilakukan berdasarkan kaedah kualitatif khasnya kajian perpustakaan. Iaitu pengumpulan maklumat dan data dari buku, jurnal, majalah dan juga suratkhbar. Maklumat-maklumat ini dijadikan sebagai panduan dan dianalisis dalam proses perolehan idea baru. Keseluruhan kajian ini dipaparkan dalam tujuh bab utama. Perincian bab adalah seperti berikut :

### **Bab 1: Pendahuluan**

Bab 1 merupakan pengenalan bagi tesis yang bertajuk 'Amalan Budaya Masyarakat Tamil Dalam Antologi *Akananuru*'. Bab ini membincangkan pengenalan dan perkembangan bahasa dan kesusasteraan Tamil secara ringkas. Di samping itu, perkembangan kesusasteraan Tamil zaman *cangam* yang berdasarkan pada unsur-unsur *agam* dan *puram* turut dibincangkan. Pengenalan karya-karya kesusasteraan Tamil klasik, iaitu, *Pathinenmelkanakku noolgal* dan *Pathinenkeelkanakku noolgal* juga dibincangkan. Pengenalan antologi *Akananuru* berdasarkan pada fakta-fakta sejarah serta kandungannya diperincikan. Bab 1 juga mengandungi maklumat-maklumat seperti objektif kajian, metodologi kajian, skop kajian dan teori kajian.

### **Bab 2: Kepercayaan, Penyembahan Kepada Tuhan dan Amalan Kebudayaan**

Kepercayaan, penyembahan kepada Tuhan dalam kalangan masyarakat Tamil zaman *cangam* dikaji secara terperinci dalam bab kedua. Amalan-amalan penyembahan Tuhan seperti *veriyaadam*, penyembahan *kottravai* (*kottravai valipaadu*), perayaan *ulli* (*ulli vilah*) dan perayaan air (*punal vilah*) dibincangkan secara mendalam. Di samping itu, amalan-amalan budaya seperti amalan mengikat *thali* dalam perkahwinan (*thali*), pengorbanan

(*olvaal amalai*), mendirikan batu peringatan (*nadukal nadutal*), membunuh diri (*vadakkiruttal*), mengukir patung (*silai vadittal*), mempercayai kecap cicak (*palli oli*), mengikuti pasangan kekasih (*udanpokku*), menyimpan rambut sanggul oleh kaum lelaki (*kudumi*), pengiraan masa (*naaligai kanakkidutal*), pengiraan hari (*naalilai*), tidur di atas kulit harimau (*pulittol padukkai*), merampas ternakan (*aanirai kavartal*), membawa bekal nasi (*kaddushoru*), menghulurkan bantuan (*eetal*), menggunakan obor (*kollikkol*), pemilihan wakil masyarakat (*kulisiyolai*), mendirikan khemah (*pantar*), menilik nasib (*kuri keddal*), menyimpan barang dalam gudang (*togukooddu*), menyimpan emas (*phor kaaval*), tatacara hukum (*tandam*) dan petanda jalan (*adaiyaalam*) dibincangkan dalam bab ini.

### **Bab 3: Kasih Sayang**

Antologi *Akananuru* memaparkan pelbagai peristiwa tentang perasaan dalaman (*akam*) manusia seperti kasih sayang dan keinginan berperang. Unsur-unsur ini dipaparkan melalui watak-watak seperti wira, wirawati, ibu, bapa, *tholan* (teman wira) dan *tholi* (teman wirawati). Haiwan dan tumbuhan juga memainkan peranan dalam hal ini. Unsur-unsur kasih sayang sesama manusia seperti kasih sayang antara pasangan kekasih dan kasih sayang antara ibu, bapa dan anak dikaji dalam bab ini. Di samping itu, kasih sayang antara haiwan juga dipaparkan dalam bab ketiga ini.

### **Bab 4: Amalan Makanan, Pekerjaan dan Pengangkutan**

Bab 4 mengkaji tentang amalan-amalan harian seperti makanan, pekerjaan dan pengangkutan masyarakat Tamil zaman *cangam*. Perincian tentang tata cara masakan dan pemakanan dipaparkan dalam bab ini. Kekacang, sayuran dan daging merupakan makanan asas bagi mereka. Fakta ini dikaji secara terperinci dalam bab keempat. Di samping itu, corak pekerjaan yang dimiliki oleh mereka turut dikaji dalam bab ini. Perdagangan

(*vanigam*), penanaman padi (*nel payiridal*), penanaman tebu (*karumbu nadutal*), askar pertahanan dan pengawal (*phor maravar, kaavalar*), pembuatan barang perhiasan diri (*alangaara porul uruvaakkal*), menangkap dan menjual ikan (*barathar*), mencari madu hutan (*then tiradduvor*), membawa berita (*tootuvan*), membawa kereta beroda (*valavan*), menjual garam (*uppu vanigam*), menjual bunga (*malar virdral*), perniagaan air nira (*kal virdral*), mengembala ternakan (*aayar*), memburu (*veddaiyaadutal*) dan tukang emas (*porkollar*). Kajian tentang sistem pengangkutan, iaitu, pengangkutan darat dan air yang digunakan oleh masyarakat Tamil zaman *cangam* turut dimuatkan dalam bab ini. Mereka memiliki pengangkutan seperti kereta beroda (*vandi*), kereta kuda (*kutirai vandi*), kereta lembu (*maaddu vandi*), kereta keldai (*kalutai vandi*), kereta kerbau (*yerumai vandi*), gajah, sampan (*padagu*), dan kapal (*kappal*). Unsur-unsur kenderaan ini juga dibincangkan dalam bab ini.

## **Bab 5: Amalan Perhiasan diri dan Pakaian**

Amalan perhiasan diri dan pemakaian memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia. Masyarakat Tamil zaman *cangam* memberikan keutamaan kepada kedua-dua unsur ini dan ia melambangkan perwatakan seseorang. Penggunaan pelbagai barangan perhiasan diri seperti gelang tangan (*valaiyal*), gelang kaki (*silambu*), anting-anting (*todu*), kalung pinggang (*ontodi*), rantai leher (*aaram*), kalung bunga (*taar*), wangian (*saantam*), celak mata (*kanmai*) dan cermin (*kannaadi*) dibincangkan dalam bab ini. Pakaian seperti kain sari (*shelai, seelai*), pakaian pinggang (*kacci*) dan selipar (*toduthor*) turut dibincangkan dalam bab kelima ini. Kemahiran dan tatacara menghasilkan barang-barang perhiasan diri turut dibincangkan dalam bab ini.



## **Bab 6: Amalan Permainan dan Aktiviti Kesenian**

Permainan dan aktiviti riadah adalah penting dalam kehidupan seharian manusia. Masyarakat Tamil zaman *cangam* mengamalkan pelbagai jenis permainan yang unik. Permainan bola (*pantu vilaiyaaddu*), permainan judi (*vaddaadai*), permainan dam (*kalangu*), permainan ayunan (*oossal*), permainan *kuravai* (*kuravai aaddam*), permainan pasir (*vandal*), permainan masak-masak (*sirushoru aakkal*) dan permainan air (*punal aaddam*) yang diamalkan oleh mereka dikaji dalam bab keenam. Kemahiran menggunakan elemen-elemen alam semula jadi dalam permainan turut dikaji dalam bab ini. Di samping itu, aktiviti kesenian seperti melukis gambar (*oviyam teeddal*) dan memelihara binatang (*vilanggu valarttal*) turut dikaji dalam bab ini.

## **Bab 7: Kesimpulan**

Bab 7 merupakan kesimpulan bagi keseluruhan kajian ini. Bab ini membincangkan dapatan dan rumusan yang diperoleh melalui kajian. Senarai hasil dapatan serta penjelasan tentang rumusan dibentangkan dalam bab ini.

### **1.12 Kesimpulan**

Antologi *Akananuru* merupakan salah satu sumber kekayaan kesusasteraan Tamil klasik. Kajian ini bertujuan untuk memperincikan amalan-amalan kebudayaan dan corak kehidupan harian masyarakat Tamil zaman *cangam*. Unsur-unsur sejarah masyarakat Tamil zaman silam dikaji secara mendalam. Suatu kajian menyeluruh tentang kandungan antologi *Akananuru* dilakukan dengan menggunakan kaedah kualitatif. Kajian berdasarkan penyelidikan perpustakaan dilakukan untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang terkandung dalam antologi ini. Kajian ini dipaparkan dalam tujuh bab.

